



PERINGATAN AKHIR ZAMAN

MOHD SABRI BIN ALIAS

Hakcipta Terpelihara © Jun 2020

Kolej Komuniti Jempol

Kementerian Pengajian Tinggi

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Kolej Komuniti Jempol, Kementerian Pengajian Tinggi.

Diterbit dan Diedar Oleh : Kolej Komuniti Jempol, Negeri Sembilan.

eISBN 978-967-16454-6-8



9 789671 645468

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
SINOPSIS	i
BIOADATA PENULIS	ii
PERINGATAN AKHIR ZAMAN	
INGAT PADA KEMATIAN	1
DIRIKAN SOLAT	4
PENYAKIT ROHANI YANG MEMBAHAYAKAN	7
KUBUR TAMAN SYURGA @ LIANG NERAKA	10
TANDA TANDA HUSNUL KHATIMAH	13
PERINGATAN DAN KASIH SAYANG ALLAH	16
PINTU TAUBAT TERBUKA LUAS	19
SYARAT-SYARAT TAUBAT NASUHA	22
JAUHKAN PUNCA KEGAGALAN TAUBAT	24
DAMPINGI ULAMAK DAN ORANG SOLEH	27
JAUHI MENJADI HAMBANAFSU	30
CARILAH REZEKI YANG HALAL	33
JIHAD UNTUK PERBAIKI DIRI	36
MENCARI SAHABAT SOLEH	39
ISTIGHFAR DENGAN PENUH PENYESALAN	42
TANGAN YANG BERCAKAP DI MASYAR	45
TERIMA BUKU AMALAN	48
KEADILAN ORANG YANG DIZALIMI DI MASYAR	51
SIFAT PEMAAF PENYELAMAT MANUSIA DI MASYAR	54
GOLONGAN YANG MENJADI TANAH	57
MENDAMPINGI GOLONGAN YANG MEMBERI SYAFAAT	60

BERSEGERA MENUJU KEAMPUNAN ALLAH	63
BERSEDEKAH TANPA MODAL	66
ILMU PENYULUH KEHIDUPAN	69
BERSABAR DALAM MENEMPUH UJIAN	72
JADILAH PEMIMPIN YANG ADIL	75
PEMUDA YANG TAAT KEPADA ALLAH	78
PENCINTA MASJID	80
BERKASIH SAYANG KERANA ALLAH	82
TOLAK MAKSIAT KERANA TAKUTKAN ALLAH	84
SEMBUNYIKAN SEDEKAH	86
INGATKAN ALLAH HINGGA MENITISKAN AIR MATA	88

SINOPSIS

Setiap manusia tidak terlepas dari melakukan dosa dan maksiat melainkan para nabi dan rasul. Bumi mana tidak ditimpa hujan dan lautan mana yang tidak bergelora. Namun demikian ketahuilah untuk kembali kepada Allah S.W.T kita memerlukan tunjuk ajar dan bimbingan dari orang yang soleh dan orang yang berilmu.

Ketahuilah untuk mendapatkan kehidupan di dunia perlu dengan ilmu, untuk mendapatkan kehidupan akhirat perlu dengan ilmu dan untuk mendapatkan kedua-duanya perlulah dengan ilmu.

Dengan demikian kita perlu ingat mengingatkan di antara satu sama lain sebagai muhasabah diri. Hasil karya ilmiah ini adalah ringkas dan mudah difahami disertakan gambar sebagai daya penarik minat untuk pembaca. Ia sebagai asas memotivasikan diri untuk panduan hidup di dunia sebelum menuju akhirat dengan tajuk **“PERINGATAN AKHIR ZAMAN”**.

Segala kekurangan dan kekhilafan datangnya dari diri saya sendiri dan memohon petunjuk dan keampunan dari Allah. Sesungguhnya ilmu Allah S.W.T maha luas dan bersamalah kita memohon agar kita sentiasa beroleh taufiq dan hidayah dari Allah S.W.T.

SELAMAT BERAMAL.



BIOADATA PENULIS

Mohd Sabri bin Alias dilahirkan di Seremban pada 24.01.1971. Berasal dari Dangi Johol, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan dari Maahad Ahmadi Gemencheh yang dikenali dengan Sekolah Menengah Agama Atas dan Empat Thanawi. Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Empat Thanawi dan Sijil Pelajaran Agama sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Al Azhar, Cairo, MESIR dalam bidang Undang- Undang Islam (Syariah Islamiah) pada tahun 1991. Setelah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Al-Azhar Mesir, beliau melanjutkan pelajaran dan mengambil Diploma Pendidikan dan Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 2003 di tawarkan sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Jelebu dan pada tahun 2008 sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Jempol. Pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Unit Pengajian Am dan Ketua Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat . Pada tahun 2016 ditawarkan untuk menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pengurusan di Kolej Komuniti Jempol sehingga kini.

Mendapat tauliah mengajar seluruh surau dan masjid seluruh Negeri Sembilan dari Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, menjadi Pasukan Sukarelawan Dakwah dan penceramah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Aktiviti harian selepas waktu bekerja, mengajar agama (kelas takmir) di masjid dan surau, sering diundang untuk menyampaikan ceramah dan motivasi di Jabatan Kerajaan, Swasta, Persatuan NGO, Pondok, Pusat Tahfiz, sekolah-sekolah, IPD Polis, Jabatan Penjara, Pusat Serenti, Pulapol dan sering juga diundang sebagai Moderator dan ahli Panel Forum Perdana Hal Ehwal Islam.



Semua makhluk yang hidup di dunia tidak terlepas dari menghadapi kematian. Namun demikian, ramai manusia leka dengan kehidupan dunia yang sementara ini yang berhambakan kepada hawa nafsu, terpengaruh dengan indahnya dunia dan diberikan kemewahan harta, tahta dan wanita. Sedangkan semuanya ini adalah ujian dari Allah SWT. Adakah kita bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan atau kufur atas nikmatnya menyebabkan kita leka dan hanyut dengan penuh kelalaian dan kealpaan sehingga kita meninggalkan segala suruhan dan membuat segala tegahan dan larangan Allah SWT.

Manusia memang tidak dapat lari daripada lalai dan lupa. Namun demikian kita perlu kepada nasihat dan tunjuk ajar agar kita tidak lari dan menyimpang dari

ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Hidup ini perlu kepada petunjuk dari Allah SWT. Dengan berpandukan kepada al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias.

Orang yang paling cerdas di dunia ini bukanlah orang yang mempunyai ijazah dan PHD semata-mata, tetapi orang yang paling cerdas semasa hidup di dunia ini ialah orang yang sentiasa ingat kepada kematian. Apabila ingat kepada kematian kita akan takut untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT.

Ramai di kalangan alim ulamak dan orang soleh banyak mengajak anak-anak muridnya supaya selalu menziarahi kubur, kerana dengan menziarahi kubur tersebut akan mengingatkan kita bahawa suatu hari nanti kita pun akan duduk di sana. Hati kita akan insaf bila mengenangkan apakah persiapan yang kita akan lakukan untuk kita persembahkan kepada Allah SWT. Oleh yang demikian kita perlukan guru yang mursyid untuk membimbing kita ke jalan yang benar dan sahabat yang soleh yang sentiasa mengajak kita kepada kebaikan dan menegur bila kita lupa dan alpa.

Roh yang berada di alam barzakh akan menikmati suasana yang tidak ada di dunia ini. Roh mereka akan direhatkan oleh Allah SWT bersama roh para nabi, orang yang benar, orang yang mati syahid dan orang yang soleh. Itulah namanya raudah (taman syurga). Mereka akan direhatkan oleh Allah SWT sampailah hari kiamat. Bagi mereka yang ingkar dan melawan hukum Allah SWT semasa hidup di dunia ini, sesungguhnya alam barzakh tersebut merupakan tempat yang sangat mengerikan dan menakutkan. Mereka akan merasai tempat yang lebih azab dan sengsara di padang masyar kelak.

Sesungguhnya segala nikmat yang mereka kecapi di dunia akan ditinggalkan dengan serta merta. Semasa mengiringi jenazah ke tanah perkuburan, anak-anak, keluarga, harta dan amalan akan mengiringi jenazah, akhirnya yang tinggal dan ikut bersama dengan roh ialah amalan soleh sebagai bekalan untuk di bawa ke sana. Dengan itu jangan kita lalai dengan pujukan dan tipu daya syaitan yang sentiasa menggoda dan melalaikan kita dari ingat kepada Allah SWT. Syaitan telah berjanji untuk merosakkan kehidupan umat Nabi Adam AS sehingga hari kiamat. Oleh yang demikian perlunya ada persiapan agar kita tidak akan menyesal apabila kita telah meninggal dunia.

Perkara yang paling merisaukan kita ialah andaikata kita dijemput oleh Allah SWT dalam keadaan tiba-tiba tanpa ada tanda-tanda kematian. Andai kata

kematian secara tiba-tiba kita dijemput oleh Allah SWT dalam keadaan yang baik. Syukur kepada Allah SWT sekiranya kita mati dalam keadaan sujud kepada Allah SWT, mati tengah solat, mati tengah menuntut ilmu, mati berjuang di jalan Allah SWT, mati ketika tengah menghulurkan sedekah, mati ketika menolong ibu bapa, mati semasa menunaikan haji, umrah dan sebagainya. Minta dijauhkan daripada mati dalam keadaan tengah melakukan maksiat seperti tengah berjudi, berzina, mengumpat, memfitnah, minum arak, melawan ibu bapa dan sebagainya.

DIRIKAN SOLAT



Firman Allah SWT yang bermaksud “ Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah (perbuatan keji dan munkar). Dan Sesungguhnya mengingati Allah SWT (solat) lebih besar (keutamaannya dari ibadat yang lain).

(al –Ankabut : 45)

Solat merupakan tiang agama. Barang siapa yang mendirikan solat sesungguhnya dia telah menegakkan agamanya dan barangsiapa yang meninggalkan solat sesungguhnya dia telah meruntuhkan agamanya. Islam mengajar supaya menyuruh kanak-kanak untuk mendirikan solat semenjak berumur tujuh tahun lagi dan apabila telah berumur sepuluh tahun mereka masih tidak mendirikan solat, maka kanak-kanak tersebut boleh dirotan.

Kita boleh melihat pada hari ini, betapa ramainya di kalangan ibu bapa tidak mengambil berat tentang pendidikan solat terhadap anak mereka. Mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia daripada kehidupan akhirat. Sebagai contoh ibu bapa sanggup merotan anaknya apabila mereka tidak lulus di dalam peperiksaan dan jarang menegur dan merotan anaknya apabila anaknya tidak mendirikan solat.

Dengan ini kita diajar untuk membimbing anak mendirikan solat semenjak anak masih kecil seperti peribahasa mengatakan “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Apabila anak-anak sudah meningkat dewasa, ibu bapa tidak perlu bersusah payah kerana sudah menjadi kelaziman di dalam hidupnya mendirikan solat walaupun ibu bapa tidak bersama atau berjauhan darinya.

Ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang terbaik di dalam pendidikan rumah tangga. Bapa perlu menjadi imam dalam mendirikan solat berjemaah, barulah anak-anak akan dapat mengikut dan mencontohi bapanya. Sekiranya ibu bapa tidak mendirikan solat, rumah tangga akan menjadi porak peranda dan jauh dari rahmat Allah SWT. Malaikat rahmat akan turun ke rumah yang mana penghuninya mendirikan solat dan menjauhi rumah yang mana penghuninya tidak mendirikan solat.

Perintah solat yang diterima oleh Rasulullah SAW pada malam peristiwa israk dan mikraj menunjukkan kepada kita bahawa solat itu merupakan perintah Allah SWT yang sangat bernilai, di mana Rasulullah SAW menerimanya terus dari Allah SWT. Amalan manusia yang pertama yang akan dihisab di hadapan Allah SWT di akhirat kelak adalah solat. Sekiranya amalan solat kita diterima oleh Allah SWT maka adalah harapan untuk amalan lain akan diterima oleh Allah SWT, begitulah sebaliknya.

Dengan demikian, bimbinglah anak kita mendirikan solat semenjak kecil lagi, apabila mereka sudah baligh nanti mudahlah bagi mereka untuk mendirikan solat. Berikan khabar gembira dari Allah SWT kepada anak-anak bagi orang mendirikan solat. Apabila mereka sudah faham tentang kewajipan solat, tingkatkan lagi dengan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan serta berguru dengan mencari guru-guru yang mursyid bagi memantapkan cara-cara solat yang sebenarnya sehinggalah mendalami rukun qauli, fi’li dan qalbi.

Dirikanlah solat semenjak dari kecil sehingga kita dijemput oleh Allah SWT. Jangan sesekali meninggalkan solat walaupun dalam keadaan uzur, kerana sekiranya kita tidak mampu solat dalam keadaan berdiri, kita dibolehkan solat dalam keadaan duduk, mengereng, menelentang dan akhir sekali dengan isyarat kelopak mata. Allah SWT maha mengetahui kemampuan seseorang hambaNya.



PENYAKIT ROHANI YANG MEMBAHAYAKAN



Penyakit moden kita boleh lihat pada masa kini dengan tularnya penyakit Covid 19. Virus ini telah merebak ke seluruh dunia. Negara yang sombong dan angkuh dengan ekonominya yang begitu hebat telah jatuh merudum. Pelbagai usaha telah di buat oleh WHO untuk mengenal pasti punca merebaknya virus ini. Secara umumnya apabila kita hidup di dunia ini jauhilah kita dari melawan fitrah yang Allah SWT telah tetapkan. Badan yang sihat berpunca daripada mengamalkan pemakanan yang baik. Islam menyarankan supaya kita mengamalkan pemakanan yang halal dan berkhasiat (halalan toyyiban). Menjauhi daripada mengambil pemakanan dan minuman yang haram. Ramai yang melanggar fitrah yang Allah SWT tetapkan di dalam al-Quran dengan mengambil makanan yang tidak dibenarkan dari sudut agama seperti memakan anjing, tikus, ular, kelawar, babi dan sebagainya.

Begitu juga dengan penyakit yang lain seperti HIV positif, siflis, kencing manis , darah tinggi, strok, buah pinggang dan sebagainya, penderitaan yang

ditanggung oleh mereka mengidap penyakit ini menyebabkan mereka akan mengambil ubat-ubatan dan akan menjalani rawatan susulan ke hospital. Akhirnya mereka menderita seumur hidup dan berakhir dengan kematian. Kita hanya mampu berusaha membuat yang terbaik untuk memulihkan kesihatan tetapi kesemuanya kembali kepada qada dan qadar Allah SWT.

Sebaliknya berapa ramai yang tidak sedar bahawa mereka yang telah terlibat dengan penyakit rohani seperti riak, ujub, takabbur, sum'ah dan sifat mazmumah yang lain. Penyakit rohani jumlahnya berkemungkinan lebih besar dari penyakit jasmani yang boleh dilihat dengan mata kasar. Mereka tidak perlu diletakkan di wad-wad atau rumah sakit tetapi sentiasa berkeliaran di mana-mana sahaja tanpa mengenal sesiapa seperti virus yang tengah melanda dunia.

Mereka yang terlibat dengan penyakit rohani ini akan merosakkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Ia akan memusnahkan keikhlasan untuk beramal dan apa yang dilakukan semata-mata untuk dipandang dan disanjung oleh masyarakat, negara dan dunia. Sejarah telah menjadi bukti bagaimana Firaun, Qarun dan Hamman yang mempunyai kuasa dan kemewahan, akhirnya mereka lupa dan sombong serta berbangga diri dengan kekayaan dan kemewahan yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Jika seseorang yang mempunyai kuasa dan sikapnya penuh dengan sikap tamak dan haloba, mereka akan menyalahgunakan kekuasaan yang mereka ada termasuk mengamalkan rasuah dan sebagainya. Mereka akan gunakan kekuasaan yang mereka ada untuk mengaut keuntungan, hasil khazanah negara dirompak dan digunakan untuk kepentingan diri, keluarga dan kroni mereka. Apabila rohani mereka kosong, maka senanglah iblis dan syaitan akan menggoda mereka terjerumus ke lembah maksiat.


Penyakit rohani yang melanda umat sekarang ini ialah penyakit hati. Hati yang keras susah hendak menerima hidayah dan apabila melakukan maksiat mereka tidak rasa bersalah malah merasa bangga dan sombong. Tidak takut dengan ancaman dan azab Allah di akhirat kelak merupakan petanda hati sakit.

Orang yang hatinya tenang akan sentiasa menikmati ketenangan dan merasai rindu untuk mengadap Allah SWT kerana nikmat ketenangan itu merupakan anugerah dari Allah SWT. Berapa ramai yang rumah besar, kereta mewah dan memiliki apa yang diidamkan tetapi jiwa mereka penuh dengan kekusutan,

hidup mereka porak peranda, suami isteri berkelahi, anak derhaka kepada ibu bapa dan sering bergaduh sesama keluarga disebabkan mereka jauh dari petunjuk Allah dan melawan hukum Allah SWT. Orang yang melawan dengan hukum Allah SWT hidup mereka tidak akan mendapat rahmat dan kasih sayang dari Allah SWT.



KUBUR TAMAN SYURGA @ LIANG NERAKA



Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa kubur merupakan tempat persinggahan untuk menuju akhirat. Antara sebab hati akan menjadi lembut apabila sering menghadiri majlis ilmu, mendampingi alim ulamak, menziarahi orang sakit atau menguruskan jenazah.

Apabila sering menziarahi kubur hati akan menjadi lembut dan terkesan kerana suatu hari nanti kita pasti akan duduk di sana, cuma hanya menunggu giliran untuk dijemput oleh malaikat maut. Kubur itu sama ada akan menjadi taman dari taman taman syurga Allah atau parit dari api neraka Allah sebelum dibangkitkan pada hari kiamat.

Waktu yang sesuai ziarah kubur ialah pada waktu malam bagi merasai lebih keinsafan dan ketakutan dengan suasana yang gelap dan hening. Boleh juga dilakukan pada siang hari secara individu supaya dapat menumpukan sepenuh perhatian apabila melihat batu nisan yang memutih di kuburan. Dengan ini kita

akan dapat merenung dengan mata hati bahawa inilah tempat yang akan kita singgah sebelum menuju akhirat. Segala pangkat, harta benda, keluarga akan kita tinggalkan. Hanya amal soleh yang akan kita persembahkan untuk mengadap Allah SWT dan jasad kita mulai ditinggalkan sorang demi sorang dari tanah perkuburan. Mereka akan kembali balik ke rumah masing masing untuk meneruskan kehidupan dunia. Begitulah lumrahnya hidup di dunia ini, yang hidup pasti akan menemui kematian. Jadi sama samalah kita untuk membuat persiapan dan melakukan amal soleh untuk bertemu dengan Allah SWT.

Harta yang banyak ditinggalkan, beruntunglah mereka semasa hidup di dunia ini mewaqafkan hartanya di jalan Allah SWT seperti membina masjid, pondok, madarasah, sekolah dan digunakan hartanya untuk memperjuangkan Islam, membantu fakir dan miskin, harta tersebut merupakan saham akhirat. Bagaimana pula sekiranya harta tersebut diambil dari punca yang haram, itulah yang paling ditakuti apabila kita berada di alam barzakh.

Begitu juga apabila mereka meninggalkan ilmu yang bermanfaat semasa hidup di dunia di mana ilmunya itu digunakan untuk mendekatkan manusia di jalan Allah SWT serta diamalkan oleh orang lain. Ganjaran tersebut merupakan saham semasa mereka berada di alam kubur. Begitu juga apabila ada meninggalkan anak yang soleh yang mendoakannya. Anak soleh inilah sebagai penyelamat di alam kubur kerana semasa hidup di dunia ibu bapa telah mendidiknya supaya menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Namun demikian, sesungguhnya hanya bergantung kepada rahmat Allah SWT. Hanya dengan rahmat Allah SWT sahajalah yang akan dapat menyelamatkan mereka diazab.

Oleh yang demikian antara hikmah menziarahi kubur adalah mencari keredaan Allah SWT dan ziarah kubur merupakan perkara yang disunatkan. Begitu juga dengan ziarah kubur dapat mendidik hati yang keras dengan mengingati kepada kematian. Begitu juga dengan ziarah kubur kita boleh mendoakan penghuni di dalamnya di samping membaca ayat ayat suci al-Quran supaya roh roh mereka mendapat ketenangan dan kebahagiaan dan dijauhkan daripada himpitan kubur yang menakutkan dan mengerikan.

Ziarah kubur juga perlu kepada adab antaranya berpakaian menutup aurat, memberi salam kepada penghuni kubur, membaca al-Quran, berdoa dan elok

mengadap ke arah matahari terbit, kerana seolah-olah kita berdepan muka kita dengan mayat, menjaga tutur kata dengan sopan dan elakkan daripada menceritakan hal-hal keduniaan yang boleh menyebabkan hati akan menjadi keras . Semasa di kubur kita boleh merenung nasib kita di kemudian hari di mana di sinilah tempat persinggahan yang terakhir sebelum kita dibangkitkan menuju padang masyar di akhirat kelak.



TANDA TANDA HUSNUL KHATIMAH



Mati merupakan penutup tirai bagi kehidupan seseorang. Seseorang yang sudah meninggal dunia tidak akan kembali ke dunia. Mereka akan terus masuk ke alam lain yang dikenali dengan alam barzakh. Alam barzakh merupakan alam perantaraan dunia menuju akhirat. Sekiranya seseorang yang meninggal dunia dalam keadaan yang baik kesudahannya di alam barzakh insya allah baik, sekiranya meninggal dunia dalam keadaan su-ul khatimah ia merupakan petanda yang buruk yang akan menyimpannya di akhirat.

Peluang yang paling baik sekali di dunia sekiranya meninggal dunia dalam keadaan yang baik dalam keadaan dirahmati Allah SWT. Perkara yang merisaukan ialah meninggal dunia dalam keadaan su-ul khatimah dan meninggal dunia dalam keadaan tidak bersedia dan tengah melakukan maksiat kepada Allah SWT. Ini bermakna penyudah kehidupan kita bergantung saat kematian dan akhir kehidupan.

Manusia akan diuji oleh Allah SWT semasa hidup di dunia. Setiap orang tidak sama bentuk ujiannya. Di saat seseorang diuji barulah tahu sejauh mana keimanannya kepada Allah. ***Firman Allah SWT yang bermaksud “ Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum nyata bagi Allah orang-orang yang berjihad di antaramu dan belum nyata orang-orang yang sabar.”***

(Ali –Imran : 142)

Nabi nabi yang terdahulu telah diuji oleh Allah SWT dengan pelbagai bentuk ujian yang begitu berat tetapi mereka semuanya tetap mempertahankan keimanan kepada Allah . Ada yang diuji dengan dibakar oleh kaumnya seperti nabi Ibrahim, ada yang digergaji seperti nabi Zakaria, ada yang hidup di zaman pemerintahan raja yang sangat zalim iaitu nabi Musa bertemu dengan Firaun. Namun ke semuanya tetap beriman dan mentauhidkan Allah SWT.

Bentuk ujian yang Allah SWT bagi bertujuan untuk menguji sejauh mana keyakinan kita kepada qada dan qadar Allah SWT dan sejauh mana kesabaran kita apabila diuji dengan pelbagai bentuk seperti kekurangan harta benda, ketakutan, kelaparan, musim buah buahan dan tanaman yang tidak menjadi, kematian ahli keluarga terdekat dan sebagainya.

Seperkara yang kita perlu titikberatkan sebagaimana Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa ada orang yang beramal sebagai ahli neraka, tiba tiba bila Allah SWT kehendaki dia menjadi orang yang insaf dan bertaubat kepada Allah SWT serta memperbaiki amalannya sebagai amalan ahli syurga, apabila ajal sampai dia mendapat rahmat Allah SWT dengan kesudahan hidupnya dengan husnul khatimah. Sebab itu selagi kita hidup di dunia dan sebelum ajal menjemput kita, masa masih lagi ada untuk kita kembali ke pangkal jalan dan pintu taubat terbuka luas serta ketahuilah rahmat Allah SWT sangat luas kepada hambaNya yang sentiasa memohon keampunan.

Segala bentuk ujian Allah SWT sama ada kekayaan harta benda dan sebagainya, jangan sampai kita lupa daratan dan lupa tanggung jawab kita sebagai hamba Allah SWT dengan mengeluarkan zakat kepada golongan asnaf yang memerlukan. Begitu juga apabila kita diuji dengan kemiskinan dan kekurangan

harta benda jangan sampai kita menyalahkan qada dan qadar dari Allah SWT. Kembali kepada Allah SWT di samping berusaha ,berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT.

Berdoalah kepada Allah SWT agar kita bertemu dan dijemput oleh Allah SWT dalam keadaan husnul khatimah dan mendapat rahmat dan reda Allah SWT. Apabila rahmat Allah turun kepada hambaNya , maka kita akan diampuni segala dosa yang kita lakukan. Ketahulah bahawa masuk syurga seseorang hamba itu bergantung kepada rahmat dari Allah.



PERINGATAN DAN KASIH SAYANG ALLAH



Allah SWT memberikan isyarat kepada hambaNya dengan diberikan peringatan sama ada dalam bentuk berat ataupun ringan. Ada yang diberikan dengan ujian kesihatan itu sebagai tanda peringatan dan kasih sayang Allah kepada hambaNya. Dengan diuji dengan penyakit tersebut boleh mengingatkan kita supaya tidak dilalaikan dengan kehidupan dunia ini. Manusia memang perlu diberikan peringatan yang sedemikian kerana sifat kita yang selalu lupa dan alpa. Kita lihat dalam sejarah bagaimana Firaun yang Allah bagi dia kekuasaan dan kekayaan dan tidak pernah ditimpa sakit seumur hidup, akhirnya dia sombong dan bongkak dan hidup dengan keadaan yang angkuh dengan menindas rakyatnya menjadi hamba dan menggunakan kekuasaannya untuk kepentingan duniawi.

Bila kita melihat fizikal kita semakin hari semakin menampakkan perubahan seperti rambut yang hitam sudah tumbuh uban, mata sudah semakin kabur, kulit sudah semakin kendur, menyedarkan kita bahawa umur kita semakin

hampir kepada kematian. Tidak ada apa yang kekal di dunia ini walaupun semasa muda kita ini mempunyai peminat yang ramai, muka yang cantik, kulit yang putih dan gebu dan akhirnya semuanya itu akan menjadi lenyap dan binasa. Beryukurlah dengan nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita dan gunakan untuk mencari keredaan Allah.

Matahari yang Allah ciptakan adalah untuk menyinari makhlukNya di siang hari bagi hambaNya mencari rezeki dan untuk kehidupan serta tumbuhan. Bayangkan sekiranya tidak ada sinaran matahari kehidupan manusia akan tergendala dan aktiviti harian akan terjejas. Begitu juga dengan penciptaan bulan dapat menyinari bumi ini dari kegelapan. Subhanallah, betapa hebatnya ciptaanMu ya Allah.

Peredaran matahari dan bulan juga berfungsi untuk mengukur bilangan hari, minggu, bulan dan tahun. Malah yang lebih penting untuk mengukur umur setiap manusia yang dilahirkan di atas muka bumi ini. Setiap orang umur sebenarnya adalah semakin pendek dan bukannya semakin panjang. Setiap kali terbit dan terbenamnya matahari umur kita semakin susut. Renungkanlah saat matahari terbenam pada waktu senja, di kala itu cuba kita bayangkan adakah pada hari esok kita masih ada harapan ataupun tidak untuk melihat matahari itu akan terbit sekiranya kita dijemput oleh Allah pada malam harinya.

Allah jadikan matahari dan bulan bagi memudahkan manusia menghitung umurnya. Hitunglah umur yang telah kita lalui semenjak kita baligh hingga ke hari ini. Apa yang telah kita lakukan semasa muda remaja, adakah kita ada meninggalkan perintah Allah seperti solat, puasa dan sebagainya. Kesempatan usia yang Allah bagi gunakanlah dengan sebaiknya untuk bertaubat sebelum kita dijemput olehNya. Cukup menakutkan dan mengerikan apabila sudah sampai ke usia senja tetapi tidak membuat persiapan dan bekalan untuk dibawa mengadap Allah. Akhlak dan tingkah laku seolah olah menggambarkan seperti orang yang berusia remaja.

Kita telah diberi kesempatan masa, gunakanlah dengan sebaiknya, jangan nanti apabila malaikat maut sudah menghampiri kita, saat nazak itu barulah ada rasa keinsafan dan mahu kembali kepada Allah, di saat itu pintu taubat telah tertutup dan mulalah ada rasa penyesalan yang teramat sangat dan di saat itu barulah memohon agar Allah memanjangkan umur dan diberikan kesihatan

untuk kita bertaubat dan membuat amalan soleh seperti bersedekah dan sebagainya. Umur umat nabi Muhammad SAW sekitar 60 an dan 70 an. Ada yang lebih dan ada yang kurang daripada umur tersebut. Jadi berwaspadalah sebelum kita dijemput oleh Allah dan berhati hatilah dengan masa yang hanya merupakan pinjaman dari Allah.



PINTU TAUBAT TERBUKA LUAS



Setiap manusia tidak dapat lari dari melakukan dosa melainkan para rasul yang bersifat maksum. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan lautan mana yang tidak bergelora, namun walaupun dosa kita setinggi gunung, sebanyak buih di lautan, sebanyak daun di pohon pokok, ketahuilah bahawasanya rahmat dan pengampunan Allah lebih luas dari dosa yang kita lakukan selagi kita tidak melakukan syirik kepadaNya.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Mereka (golongan musyrik) mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan keampunan dengan izinnya.” (al Baqarah :221)

Allah maha mengetahui tentang fitrah manusia yang berhajat kepada pasangan, maka Allah memberikan kebenaran bagi mereka yang ingin berkahwin untuk memilih pasangan hidup berlandaskan syariat

Islam. Tujuannya adalah untuk memelihara kehormatan dan bagi mengelakkan terjerumus ke lembah maksiat. Sekarang ini ramai di kalangan pasangan yang belum berkahwin terjerumus ke lembah maksiat akibat di goda oleh hawa nafsu dan syahwat.

Tiga perkara yang besar menyebabkan manusia akan tewas iaitu apabila diuji dengan harta, tahta dan wanita. Walau bagaimanapun nikmat yang Allah berikan kita terima dengan penuh rasa kesyukuran kepada Allah dengan membuat segala suruhan dan meninggalkan segala larangan.

Dengan diuji dengan harta yang banyak dan melimpah, berapa ramai yang sanggup melupakan undang undang Allah, mereka mengamalkan rasuah, kroni, mengaut harta rakyat dan sebagainya. Malah ada yang sudah terpesong terus dari jalan Allah dengan berjudi, merompak, mencuri dan sebagainya

Begitu juga apabila diuji dengan mempunyai tahta atau kuasa. Amanah merupakan tanggung jawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah. Jangan sesekali terutamanya pemimpin mengambil kesempatan dengan bertindak menindas rakyat menggunakan kuasa yang diberi. Jadilah pemimpin sebagaimana para sahabat yang terdahulu seperti Abu Bakar, Umar, Othman dan Ali apabila memegang tampuk pemerintah, mereka melakukan dengan penuh rasa amanah dan takut kepada Allah kerana sudah pastinya di akhirat nanti akan di soal di hadapan Allah.


Ujian yang paling berat ialah apabila berdepan dengan wanita. Sebagaimana yang kita ketahui ramai di kalangan manusia yang tewas dengan pujuk rayu wanita terutamanya wanita cantik. Tarikan yang ada pada wanita cantik ini menyebabkan hawa nafsu kita mudah tergoda. Bagi mengelakkan kita terjebak ke lembah zina, sekiranya kita berkemampuan sehingga sampai hukum wajib bernikah, maka nikahlah mengikut syariat Islam.

Sesungguhnya sekiranya seseorang sudah terlanjur, maka kembalilah kepada Allah dan bertaubat kepadaNYa. Sesungguhnya pintu taubat terbuka luas sebelum nyawa sampai kepada 'ghar-gharrah'. Ketika itu manusia telah berdepan dengan malaikat maut yang datang untuk mengambil nyawanya. Ketika itu kita sudah tidak mengenali sesiapa yang berada di sekeliling kita dan tumpuan ketika itu ialah tentang di mana akan di bawa roh kita dan amalan yang akan kita serahkan kepada Allah. Jadi bertaubat kepada Allah sebelum kita

menyesal di kemudian hari. Sesungguhnya Allah sangat kasih kepada orang yang bertaubat dan orang yang bersuci.



SYARAT- SYARAT TAUBAT NASUHA



Firman Allah SWT yang bermaksud “ Hai orang –orang yang beriman bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya, mudah-mudahan tuhan kamu akan menutupi kesalahan –kesalahan mu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang dibawahnya mengalir sungai-sungai.” (at –Tahrim :8)

Sejarah moyang kita nabi Adam dan Hawa yang telah dikeluarkan dari syurga setelah ditipu oleh iblis yang telah berjanji untuk merosakkan umat Adam sehingga hari kiamat telah membuktikan kepada kita bahawa penyesalan nabi Adam di atas apa yang telah berlaku merupakan taubat yang sebenar iaitu taubat yang diterima oleh Allah.

Syarat taubat nasuha itu ialah

- ❖ Menyesal bersungguh- sungguh di atas kesalahan yang telah dilakukan kerana nabi Adam dan hawa telah mengadakan peraturan yang mesti dipatuhi seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud ***“Wahai Adam, bertempat tinggalah kamu dan isteri kamu (Hawa) di syurga serta***

makanlah olehmu berdua (buah- buahan) di mana sahaja yang kamu sukai, dan janganlah kamu berdua mendekati pohon ini, lalu jadilah kamu berdua termasuk orang - orang yang zalim.” (al- A’ raaf : 19)

Menyesal dalam erti kata yang sebenarnya ialah dengan menyesal dengan sebenar-benarnya di dalam hati terhadap apa yang berlaku supaya tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang. Bila menyesal dan insaf tidak perlu bertanggung lagi untuk bertaubat kepada Allah sebab bila bertanggung untuk bertaubat sebenarnya belum benar benar ingin rasa untuk bertaubat. Bila seseorang menunda untuk bertaubat menunggu pada masa yang akan datang dikhuatiri tidak sempat bertaubat,lalu dipanggil oleh malaikat maut. Menyesal itu bermula dari hati yang benar-benar ikhlas kepada Allah

- ❖ Terus meninggalkan perbuatan tersebut secara serta merta. Jika dosa tersebut berkaitan dengan perkara yang haram maka tinggalkanlah perbuatan tersebut. Sekiranya dosa tersebut berkaitan dengan meninggalkan yang fardu maka segeralah qada’ yang tertinggal tersebut. Tidak boleh menanggung kerana perbuatan menanggungkan itu adalah termasuk dengan godaan syaitan
- ❖ Membenci terhadap perbuatan maksiat yang telah dilakukan itu. Membenci dengan kelakuan iblis yang sentiasa menggoda manusia dan terus meninggalkannya .Orang yang bertaubat akan terus mencintai Allah. Walau bagaimanapun memerlukan azam yang kuat kerana iblis tidak akan berasa putus asa dan terus akan menyesatkan umat Adam sehingga hari kiamat
- ❖ Ikhlas meninggalkan perbuatan maksiat tersebut kerana Allah bukan kerana makhluk. Merasakan dirinya amat kerdil di sisi Allah dan berasa malu terhadap maksiat yang telah dilakukan. Rasa syukur kepada Allah di atas segala nikmat yang telah dikurniakan sama ada nikmat kesihatan, umur, rezeki yang luas dan sebagainya. Dengan nikmat yang diberikan kepada kita maka insafilah dan syukurlah dengan membuat segala suruhan Allah dan meninggalkan segala tegah dan larangannya. Sesungguhnya rahmat Allah adalah lebih luas daripada dosa yang telah dilakukan oleh hambaNya.



JAUHKAN PUNCA KEGAGALAN TAUBAT



Manusia akan berhadapan dengan ilham daripada malaikat atau bisikan dan dorongan iblis yang sentiasa mengajak kepada maksiat. Pertempuran keduanya ini memerlukan keimanan yang kuat kepada Allah dengan mencari formula yang boleh mengahampiri diri kepada Allah. Setiap manusia yang melakukan maksiat terdorong dengan pujuk rayu iblis. Mula-mula rasa bersalah dan akhirnya rasa nikmat melakukan maksiat sehingga menjadikan iblis sebagai teman untuk melakukan maksiat.

Manusia akan menanggung sendiri dosa yang dilakukannya. Ketahuilah sekiranya seseorang itu benar benar ingin bertaubat ada jalan dan penyelesaiannya. Pada hari ini kita melihat ramai di kalangan bekas artis, pelakon, perompak, pengedar dadah dan sebagainya telah kembali kepada Allah dan memilih kepada fitrah. Kehidupan mereka ketika masa lampau tidak mendapat ketenangan dan hidup dengan penuh dosa dan noda walaupun

dilimpahi kekayaan dan harta yang banyak. Syukur mereka telah insaf dan kembali kepada Allah.

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan lautan mana yang tidak bergelora. Dengan rahmat dan kasih sayang Allah, maka dosa yang dilakukan oleh manusia akan diampunkan oleh Allah dengan syarat melakukan taubat nasuha. Justeru jangan menanggung masa apabila kita ingin bertaubat kepada Allah.

Apabila seseorang itu ingin bertaubat terhadap kesalahan yang dilakukan, kena kenal pasti kesalahan yang telah dilakukan di masa yang lalu, jika dia berdosa, disebabkan mendedahkan auratnya, maka tukarlah cara berpakaian, pilihlah pakaian yang mengikut syariat Islam. Sekiranya sebelum ini mendedahkan rambut apabila keluar dari rumah, pastikan selepas ini memakai kain tudung yang mengikut syariat Islam. Ada juga di kalangan orang yang memakai pakaian yang menutup aurat tetapi menampakkan tubuh badannya. Ini adalah dilarang dalam Islam kerana dia berpakaian tetapi masih lagi menampakkan tubuhnya kepada orang yang bukan mahram. Pakailah pakaian yang sopan dan sederhana.

Sekiranya seseorang itu berdosa disebabkan kawannya yang selalu mengajak berhibur di tempat maksiat dan minum minuman yang dilarang seperti minum arak, maka jauhilah tempat maksiat tersebut dan jauhilah kawannya. Ini bertujuan untuk menghindarkan diri dari terjebak ke lembah maksiat. Sekiranya dia terus berkawan dengan orang yang sama dikhuatiri akan terpengaruh kembali melakukan maksiat. Bukan niat hendak memutuskan silatur rahim tetapi untuk berubah perlukan kepada kawan yang baik kerana berkawan dengan orang yang menjual minyak wangi sedikit sebanyak kita akan dapat wanginya, berkawan dengan orang bekerja di kilang arang sedikit sebanyak kita dapat hitamnya. Apapun bila bertemu berilah salam dan doakan mereka mendapat hidayat dan rahmat Allah.

Begitu juga apabila kita berkawan dengan orang yang suka membuat fitnah dan mengumpat. Cuba elakkan dan jauhkan diri dari berkawan dengannya kerana dosa fitnah itu adalah lebih besar dari dosa membunuh orang. Sedikit sebanyak kita akan terpengaruh dengan hasutan dan umpatan dan kita sama sama menanggung dosa disebabkan tidak menegur kesalahan kawan kita. Memang tidak dapat dinafikan pada masa kini orang yang ramai kawan ialah orang yang suka bergosip dan membawang tapi kesannya di akhirat nanti amatlah dasyat kerana kita memakan daging saudara kita sendiri dan kita akan menjadi orang yang mufliis atau bankrap kerana pahala kita beralih kepada orang yang kita umpat atau orang yang kita fitnah.

Kesimpulannya, marilah kita berubah kepada kebaikan kerana kehidupan di dunia hanyalah sementara dan jauhilah daripada melakukan maksiat dan melakukan sifat mazmumah (tercela).Semuanya itu akan mengundang kepada kemurkaan Allah dan marilah kita mencari reda Allah. Begitulah pentingnya kita mencari kawan yang mengajak kita kepada kebaikan dan kawan yang menegur kita apabila kita melakukan maksiat. Kita berkawan dengan tujuan untuk mendapat kasih sayang Allah.



DAMPINGI ULAMAK DAN ORANG SOLEH



Orang yang melakukan dosa berada dalam suasana tidak tenteram. Ia di ibaratkan seperti duduk di kediaman kotor dan menjijikkan. Justeru itu ia memerlukan perubahan supaya kehidupan mereka berada dalam suasana yang bersih dan segar. Tanpa memerlukan rumah atau istana yang besar tetapi ia memerlukan tempat duduk yang bersih dan suasana yang baik. Suasana yang baik itu ialah berada dalam taman syurga. Taman syurga yang ada di dunia ini ialah bagi mereka yang duduk dalam majlis ilmu. Rebutlah peluang mempelajari ilmu agama semasa hidup di dunia ini.

Mendekati para alim ulamak merupakan perkara yang sangat penting apabila kita ingin kembali kepada jalan Allah. Duduk dalam majlis ilmu di samping mendengar tausiah yang di sampaikan oleh tuan guru dan bertanyakan sesuatu yang tidak faham serta mengambil doa doa dan amalan yang baik untuk diamalkan. Orang yang mendampingi alim ulamak in sya allah akhirat nanti mereka akan dapat pertolongan dan syafaat atas rahmat dan pertolongan dari Allah.

Ulamak merupakan perwaris para nabi. Apabila nabi dan rasul telah meninggalkan kita berpeganglah kepada al-Quran dan as-Sunnah nabi Muhammad SAW. Maka para ulamak pewaris para nabi untuk memberikan bimbingan dan tunjuk ajar apa yang terdapat di dalam isi kandungan al-Quran dan hadis. Ulamak diibaratkan seperti obor yang menerangi kegelapan kepada cahaya kebenaran dan menyuluh kehidupan manusia di dunia. Dengan bantuan alim ulamak manusia akan dibimbing ke jalan yang benar dan direcai oleh Allah. Para ulamak semakin lama semakin hilang di dunia. Allah SWT lebih sayangkannya, moga direhatkan rohnya bersama roh para nabi, orang yang benar, orang yang mati syahid serta orang-orang soleh. Oleh itu selagi ada alim ulamak yang ada di dunia ini sama-sama lah kita berguru dengannya serta mendampinginya serta di jadikan guru dan sahabat.

Kita juga dianjurkan untuk selalu duduk di dalam majlis zikrullah. Makna zikrullah bukan sekadar berzikir di bibir sahaja, malah sentiasa ingat kepada Allah di dalam hati dan pada setiap detik serta sentiasa melaksanakan ingatan kepada hukum hakam Allah dan peraturan yang telah ditetapkan. Dalam erti kata yang sebenarnya membuat segala suruhan dan meninggalkan segala tegah dan larangan. Maka para alim ulamak sebagai tempat rujukan untuk diambil pendapat atau nasihat walaupun dalam sistem pemerintah negara. Kesan dari zikrullah kita boleh lihat dari amalan seharian. Sekiranya masih lagi bercanggah dengan amalan kehidupan harian, kita masih lagi tidak menepati dengan konsep zikrullah. Zikrullah kenalah menepati apa yang kita amalkan kerana iman itu ialah berikrar dengan lisan, membenarkan dalam hati dan membuktikan dengan perbuatan .

Kita juga dianjurkan untuk membantu golongan fakir dan miskin. Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat mengasihi orang miskin. Rasulullah SAW sudi menghadiri majlis dan meraikan orang miskin. Dengan meraikan dan memberi bantuan kepada orang miskin boleh melenyapkan keangkuhan dan kesombongan kita yang mempunyai harta yang banyak. Ada orang kaya mampu menghulurkan bantuan kepada fakir miskin, tetapi tidak ramai orang kaya yang sanggup duduk bersama dan meraikan majlis bersama anak yatim, lebih-lebih lagi kediaman mereka yang kecil dan tidak terurus. Sebenarnya di sinilah untuk kita belajar erti tawaduk atau bersikap rendah diri yang sangat dianjurkan di dalam Islam.

Maka para alim ulamak akan membimbing dan memberikan tunjuk ajar tentang pentingnya menjaga akhlak dan mengamalkan sifat mahmudah (terpuji) seperti sabar, rajin, tekun, tawakal, tenang, reda dan sebagainya serta menjauhi sifat mazmumah (tercela) seperti riak, ujub, sum'ah, takabbur, hasad dengki dan sebagainya. Selagi ada alim ulamak yang ada di dunia sama-samalah kita

berguru dan mendekatinya. Alim ulamak merupakan tempat rujukan kerana dia merupakan pewaris para nabi dan bukannya tempat kutukan. Pada hari ini kita melihat ada di kalangan manusia yang mengeji dan mengutuk alim ulamak kononnya sesiapa yang berdamping dengan alim ulamak akan ketinggalan zaman. Sama samalah kita menjauhi sifat yang mazmumah ini.



JAUHI MENJADI HAMBA NAFSU



Manusia tergolong dalam jenis haiwan. Haiwan yang dikurniakan oleh Allah dengan mempunyai akal fikiran yang boleh membezakan yang baik dan buruk serta membezakan antara suruhan dan larangan Allah. Itulah yang membezakan dengan haiwan yang lain. Haiwan haiwan ini berhajat kepada keperluan hidup seperti tempat tinggal, makan minum, berkelamin dan sebagainya, tetapi hanya manusia yang tahu memilih untuk memilih tempat tinggal yang selesa serta makan minum yang lazat disebabkan Allah mengurniakan nikmat yang paling berharga iaitu mempunyai akal fikiran.

Perbezaan manusia dengan haiwan inilah menyebabkan Allah mengangkat martabat hidup manusia ke tahap yang tinggi iaitu dapat membezakan di antara suruhan dan larangan Allah. Dengan akal manusia boleh diangkat darjat yang tinggi di sisi Allah apabila melakukan perintah serta berakhlak dengan akhlak yang mulia. Manusia akan jatuh ke tahap yang lebih hina dari haiwan lain apabila tidak menggunakan mata untuk melihat, telinga untuk mendengar yang baik serta seluruh pancaindera digunakan untuk tujuan melakukan maksiat.

Dalam zaman yang serba mewah dan moden, manusia terus di landa krisis perut dengan mengambil minuman yang diharamkan seperti arak dalam majlis

yang dihadiri oleh tokoh-tokoh penting sama ada tokoh politik atau ahli perniagaan di hotel-hotel, kepulauan mewah, tempat pelancongan, begitu juga di tempat peranginan mewah dengan membuat maksiat seperti berjudi, berzina, bercampur lelaki dan perempuan yang bukan mahram menyebabkan manusia tenggelam dan hanyut ke lembah penghinaan. Nikmat yang mereka rasai hanya sementara sahaja dan balasannya amat dasyat sekiranya tidak sempat bertaubat kepada Allah.

Untuk menghindari gejala tersebut sehingga menjadi berleluasa, maka pemimpin yang dilantik di kalangan orang Islam sepatutnya menjalankan hukuman Allah dengan seadil-adilnya. Kuasa yang ada digunakan untuk mewajibkan manusia ikut segala perintah Allah. Dengan adanya hukuman yang setimpal ke atas mereka ini kesannya amat besar kepada rakyat.

Begitu juga segala makanan dan minuman pastikan diambil dari punca yang halal, elakkan dari mengambil sumber yang haram ataupun syubhat. Ibu bapa memainkan peranan yang penting kerana mereka akan memberi keluarganya makan dan minum. Mereka akan disoal tentang punca rezekinya di akhirat kelak. Jauhkan dari mengambil harta yang haram seperti duit dari hasil judi, rasuah, merompak, menindas orang dan sebagainya.

Pada zaman yang serba canggih sekarang ini, ada didapati gelatin dan juga lemak dari haiwan yang haram dimakan dijadikan bahan utama untuk menghasilkan makanan yang bermutu tinggi. Begitu juga lemak lemak yang dihasilkan oleh negara-negara yang bukan Islam dengan keadaan mereka tidak mengetahui hukum hakam sembelihan binatang dijadikan sumber makanan utama untuk dieksport ke negara-negara Islam. Islam menganjurkan agar dapat menghindari makanan dari sumber yang diragui dan pilihlah makanan yang halal dan berkhasiat. (halalan toyyiban)

Islam menganjurkan supaya besederhana dalam menyajikan makanan untuk keluarga dan tetamu. Elakkan membazir dalam meraikan sesuatu majlis, jangan bersikap boros dalam membeli. Jangan menyediakan makanan yang terlalu mewah apabila menjemput tetamu undangan dan membezakan makanan dengan tetamu yang lain sehingga menyebabkan berlakunya jurang dan perbezaan sesama mereka. Islam menganjurkan besederhana dalam apa jua amalan harian.

Firman Allah yang bermaksud “Makanlah rezeki Allah dan bersyukurlah kepada Nya. (Saba’ : 15)

Allah SWT memerintahkan supaya memakan rezeki yang dikurniakan , kemudian bersyukur terhadap kurniaan Allah dengan membuat segala suruhan dan meninggalkan segala larangan. Fungsi makan untuk manusia bukan sekadar menghilangkan rasa lapar malah lebih dari itu untuk bersyukur atas nikmat dan kurniaan Allah. Makanlah dengan mengutamakan makanan yang suci, halal dan berzat. Amalan soleh kita berpunca dari rezeki yang halal. Sekiranya rezeki kita datangnya dari punca yang haram, bagaimana amalan kita hendak diterima dan diredai oleh Allah.



CARILAH REZEKI YANG HALAL



Mencari rezeki yang halal bagi menanggung nafkah keluarga menjadi satu kewajiban. Pekerjaan yang halal mestilah dititikberatkan kerana hasilnya akan dikongsi kepada keluarga, lebih lebih lagi untuk anak-anak yang sedang membesar. Pembesaran anak itu penting daripada rezeki yang halal kerana ia bersangkutan paut terhadap perkembangan otak anak disamping keberkatannya untuk menjadi anak yang soleh dan solehah.

Sedikit itu lebih baik dari banyak sekiranya yang banyak itu datangnya dari sumber yang haram dan syubhat. Apabila harta yang dikumpulkan dari sumber yang haram keberkatan di dalam hidupnya di tarik oleh Allah, sebab itu kehidupannya tidak bahagia, rumah tangga akan jadi porak peranda, anak – anak melawan ibu bapa, suasana di dalam rumah huru-hara kerana ditarik oleh Allah nikmat ketenangan di dalam hidup walaupun mereka tinggal di kediaman yang mewah.

Sifat manusia yang tamakkan harta dan hidup dengan penuh kemewahan akan membawa manusia rakus mencari harta kekayaan. Sikap manusia yang tidak

puas ini menyebabkan mereka akan mencari sebanyak mana yang ada walaupun mereka sudah digelar jutawan. Ambillah iktibar sejarah Qarun yang Allah tenggelamkan di dasar bumi disebabkan terlalu angkuh dengan kekayaan yang dimiliki. Harta yang dicari tidak akan puas walaupun sudah mempunyai setinggi gunung emas. Manusia akan betul betul sedar dan insaf apabila sudah meninggal dunia ketika mukanya bertemu dengan tanah di alam kubur.

Mencari yang halal itu boleh dengan pelbagai cara, rezeki Allah sangat luas boleh dilihat sama ada di daratan atau di lautan, di daratan boleh menjadi petani, bercucuk tanam, sawah ladang, guru, polis, askar, berniaga, tukang jahit, menternak dan sebagainya, begitu juga di lautan boleh menjadi nelayan atau menjadi pedagang. Yang penting dalam kehidupan ini kita mencari rezeki dari sumber yang halal.

Oleh kerana dosa itu tidak nampak, ada di kalangan manusia mencari rezeki dari sumber yang haram dengan cara merompak, berjudi, rasuah tanpa memikirkan yang halal dan yang haram. Orang yang mempunyai kuasa dalam sesebuah pentadbiran menggunakan kuasa yang ada untuk mengaut keuntungan dengan memberikan projek besar kepada kroni mereka. Sikap inilah menyebabkan rakyat akan hidup menderita kerana kekayaan di miliki oleh golongan yang tertentu sahaja.

Firman Allah yang bermaksud “ Makanlah yang halal lagi baik dari rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu, dan syukurilah nikmat Allah, sesungguhnya hanya kepadaNYa kamu menyembah.” (An –Nahl : 114)

Carilah rezeki dari sumber yang halal. Andai kata rezeki itu banyak dari sumber yang halal lagi baik, kerana harta tersebut boleh digunakan untuk sedekah jariah seperti membina masjid, surau, pondok, madarasa, pusat tahfiz dan sebagainya. Harta tersebut boleh dikeluarkan zakat untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan bantuan. Yang penting bila kita sudah memiliki kekayaan jangan lupa kepada perintah Allah. Lihatlah ada di kalangan sahabat Rasulullah SAW menginfaqkan hartanya di jalan Allah SWT untuk membantu kaum muslimin ketika berlakunya peperangan dan membantu orang fakir miskin dan penduduk setempat. Di antaranya termasuklah saidina Abu Bakar as, saidina Umar al- Khattab, saidina Othman dan ramai lagi berlumba lumba mencari kebaikan dengan menafkahkan hartanya di jalan Allah.

Begitu juga dalam menghiasi rumah, pastikan besederhana dalam membeli peralatan dan hiasan rumah, jangan membazir dan melampau batas sehingga sanggup berhutang dengan membeli perabot dan kelengkapan yang mewah untuk kepuasan diri dan untuk dilihat oleh tetamu. Berhiaslah mengikut kemampuan diri dan sesuaikan mengikut keadaan semasa, yang menjadi

keutamaan ialah rumah yang bersih, ada bilik anak lelaki dan perempuan, bilik ibu bapa, ruang solat dan sediakan bilik tetamu sekiranya rumah tersebut mempunyai bilik yang banyak. Pastikan apa sahaja yang ada di rumah termasuk hiasan dan peralatan, makan dan minumannya berlandaskan dari rezeki yang dicari dari sumber yang halal, barulah ada keberkatan di dalam hidup.



JIHAD UNTUK PERBAIKI DIRI SENDIRI



Dosa terbahagi kepada dua bahagian iaitu dosa kecil dan dosa besar. Banyak dosa berpunca dari lidah seperti mengumpat, mengeji, memfitnah, memaki hamun dan sebagainya. Yang paling hina ialah kata-kata yang menolak syariat Allah serta menghina sunnah nabi Muhammad SAW. Dosa berpunca dari perbuatan manusia yang melanggar syariat Allah seperti berzina, mencuri, merompak, mendapatkan harta dari sumber yang haram dan sebagainya.

Ada dosa yang berpunca dari hati seperti mempunyai keyakinan yang membawa kepada syirik, murtad, kafir seperti tidak percaya tentang hukum hakam al-Quran yang telah ditetapkan, tidak percaya kepada hari kebangkitan, alam barzakh, padang masyar dan perkara samaiyyat. Sikap manusia berpunca dari kejahilan yang ada pada dalam diri mereka sendiri yang tidak mahu belajar dan mendalami agama serta mengamalkannya. Ada yang berpendapat sekiranya mengambil agama dalam kehidupan dikhuatiri akan ketinggalan zaman.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Dan bahawa (yang kami perintahkan) ini adalah jalanKu yang lurus, maka ikutlah dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan (yang lain) kerana jalan –jalan itu mencerai - beraikan kamu dari jalanNya. Yang demikian itu Allah memerintahkan kepadamu agar kamu bertaqwa.” (al An’am :153)

Sikap tidak mahu belajar agama menyebabkan hati menjadi keras. Keegoan yang tinggi dengan rasa tidak bersalah, malah rasa berbangga apabila melakukan maksiat antara punca hati menjadi gelap dan jauh dari cahaya kebenaran. Ada juga yang baru berjinak-jinak dengan agama, baru belajar sedikit sudah mula melihat orang yang melakukan maksiat dengan perasaan benci sedangkan di masa lampau dia merupakan orang yang lebih hina dari mereka. Syaitan sangat mudah memesongkan orang sedemikian kerana mereka jahil tentang agama. Sepatutnya belajar untuk bermuhasabah pada diri sendiri dan apabila melihat orang melakukan maksiat tegurlah dengan penuh hikmah dan bijaksana di samping berdoa kepada Allah supaya ditetapkan iman dan istiqomah dalam agama kerana hidayah itu adalah milik Allah, kita hanya mampu berusaha , berdoa dan bertawakal.

Sikap keras yang disebabkan fahaman agama yang cetek menyebabkan mereka menjadi melampau dalam agama. Sepatutnya carilah guru dan belajarlah dengan mereka dan bergaullah dengan penuh berakhlak dan rasa tawaduk kepada Allah. Bila kita berdakwah dengan penuh hikmah dan bijaksana in sya allah akan adanya bantuan dan rahmat dari Allah , sekiranya kita bersikap kasar dengan memaki hamun dan mencela, orang ramai akan lari dari kita walaupun apa yang kita katakan itu ada kebenarannya. Mulianya kita bukan kerana ilmu tetapi kerana akhlak yang tinggi dan mulia. Orang yang mahu bertaubat kepada Allah perlu membuang sifat mazmumah yang ada pada diri seperti mementingkan diri sendiri, riak, ujub, takabbur, rasa diri betul dan orang lain salah, kedekut, bermuka- muka dan semua sifat negatif.

Sekiranya seseorang itu mempunyai harta janganlah pula tidak menggunakan nikmat yang Allah berikan seperti sanggup tinggal di rumah buruk, berpakaian yang usang, kusut masai, sebaliknya gunakanlah nikmat tersebut secara sederhana sebagai tanda bersyukur kepada Allah. Islam juga menitik beratkan kebersihan dan besederhana dalam apa jua amalan yang dilakukan. Zuhud bukanlah diukur seperti berpakaian lusuh, sedangkan harta disimpan dan tidak digunakan pada jalan agama dan tidak mahu mengeluarkan sedekah dan berzakat, ini di namakan kedekut.

Muhasabah diri sangat penting dalam kehidupan. Jangan terlebih menyalahkan orang lain sedangkan diri sendiri banyak cacat dan celanya. Berfikiran terbuka

dalam berbincang, menjadi pendengar yang baik, minta pendapat dan doa orang alim, banyakkkan menghitung diri, mendoakan kebaikan untuk orang lain adalah salah satu cara untuk muhasabah diri. Dengan itu, bersungguh sungguhlah untuk kita berubah dalam hidup ini. Jadikan peristiwa silam sebagai sempadan untuk kita mencari kebaikan, berkawanlah dan berdampinglah dengan orang orang yang soleh.



MENCARI SAHABAT SOLEH



Kehidupan manusia di dunia ini memerlukan sahabat. Sekiranya salah memilih sahabat akan mengundang sesuatu yang tidak baik dalam melalui rencah kehidupan. Maksudnya boleh kita berkawan dengan sesiapa sahaja tetapi pastikan kita tidak terpengaruh dengan kegiatan yang tidak baik, kerana iman kita lemah ditakuti tergoda dengan pujukan syaitan dan hawa nafsu lebih - lebih lagi dalam keadaan yang penuh dengan cabaran serta pengaruh rakan sebaya, internet dan sebagainya.

Sekiranya benar-benar kita ingin berubah dan kembali ke pangkal jalan, peranan orang yang di sekeliling kita amat penting kerana pergaulan kita akan mempengaruhi corak kehidupan. Pernah diriwayatkan bahawa seorang yang telah membunuh 99 orang, tetiba terbit dari hati dan sanubarinya ingin bertaubat, akhirnya dia berjumpa dengan seorang abid dan menceritakan apa yang telah dilakukan, maka abid itu mengatakan bahawa dosa yang dilakukan

oleh orang itu sangat besar dosanya di sisi Allah, lantas membunuh abid itu dan cukuplah 100 orang yang telah dibunuhnya. Pembunuh itu rasa menyesal dan mencari seorang alim dan menceritakan peristiwa yang telah berlaku. Maka orang alim itu mengatakan bahawa rahmat dan pengampunan Allah lebih luas dari dosa yang dilakukan dengan syarat melakukan taubat nasuha.

Kemudian orang alim itu menasihatkan dengan penuh hikmah dan bijaksana supaya berpindah dari kampung halamannya dan mencari tempat yang lebih baik di mana ramai penduduknya di kalangan orang yang baik dan soleh. Tujuannya supaya mencari sahabat yang baik dan orang alim untuk belajar dan meninggalkan kawan lamanya kerana sedikit sebanyak maksiat yang dilakukan adalah pengaruh dari rakan - rakan. Dalam perjalanan menuju ke tempat baik itu dia telah meniggal dunia. Dalam riwayat mengatakan bahawa pemuda itu rohnya di tempatkan dalam syurga Allah kerana langkahnya menuju ke tempat yang baik dan benar- benar ingin bertaubat kepada Allah. Bayangkan betapa luasnya rahmat dan pengampunan Allah kepada hambaNya. Pembunuh itu menemui khusnul khatimah (kesudahan yang baik).

Orang yang ingin bertaubat itu memerlukan kekuatan jati diri dari terpengaruh dengan rakan -rakan. Seperti orang hendak berhenti merokok memerlukan pengorbanan yang tinggi dengan tidak membeli rokok dan berkawan dengan orang yang merokok dan memikirkan kesan dari tabiat merokok dari sudut kesihatan dan pembaziran kerana membazir itu adalah amalan syaitan. Maka tindakan perlu diambil dengan berusaha keras untuk membuang tabiat buruk tersebut. Pengaruh rakan sebaya sangat kuat untuk membentuk corak kehidupan kita pada hari ini sebab itulah memilih kawan diibaratkan seperti aur dengan tebing yang tidak boleh berpisah. Jadi pilihlah sahabat yang membawa dan membimbing kita ke syurga Allah.

Apabila kita bertaubat diibaratkan seperti pakaian yang bersih dan suci. Jangan dikotori dengan pencemaran sehingga menyebabkan pakaian kita menjadi kotor. Sesungguhnya Allah SWT maha pengampun dan maha penerima taubat.

Sepertimana firman Allah “ Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang - orang yang bertaubat, beriman, beramal soleh, kemudian tetap di jalan yang benar.” (Toha : 82)

Maka dengan itu istiqamahlah kita di jalan Allah kerana halangan untuk melakukan amal soleh ini sentiasa ada kerana syaitan sudah berjanji untuk

merosakkan umat adam hingga hari kiamat. Pilihlah kawan yang baik yang sentiasa menegur kita bila kita melakukan maksiat. In sya allah dengan azam yang kuat untuk berubah di samping berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah pintu taubat terbuka luas dan kita berdoa akhirnya kematian kita dengan husnul khatimah (kesudahan yang baik).

ISTIGHFAR DENGAN PENUH PENYESALAN



Melafazkan istighfar dengan penuh rasa keinsafan dan menyesal di atas apa yang telah dilakukan selama ini tanda seseorang benar- benar menginsafi kesalahannya. Beristighfar dengan hanya melebut lafaz istighfar sahaja tanpa diikuti dengan hati ia dinamakan wirid sahaja. Penyesalan di dalam hati yang bersungguh- sungguh merupakan asas taubat. Walaupun kita sudah beristighfar tanpa menyesali dosa dosa yang kita telah lakukan serta masih mengulangi kesilapan yang sama masih dikira tidak bertaubat. Walaupun kita semua sedia maklum bahawa seringkali kita mengulangi perkara yang sama, kemudian kita bertaubat dan kita ulangi lagi kemudian kita bertaubat, maka jangan putus asa dan berusaha di samping berdoa kepada Allah. Melakukan maksiat memang menjadi nikmat dan merasa ketagih lebih lebih lagi dengan pujuk rayu dan tipu daya syaitan.

Untuk mencari pedoman menuju kebaikan perlu berdamping dengan orang soleh dan orang yang berilmu agar mereka dapat membimbing dan memberikan panduan untuk menjadi insan soleh. Ilmu sangat penting dan perlu kepada guru, sekiranya belajar sesuatu tanpa guru ditakuti amalan yang dilakukan adalah secara taqlid dan senang bagi syaitan memesonkan dan menyesatkannya.

Menuntut ilmu merupakan fardu ain ke atas tiap tiap mukallaf. Menuntut ilmu dibaratkan seperti cahaya yang menerangi manusia dari kegelapan jahil kepada cahaya kebenaran dan kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat. Ada juga orang menuntut ilmu tetapi tujuannya adalah untuk keduniaan semata mata, tetapi sebenarnya menuntut ilmu bertujuan untuk mengabdikan diri kepada Allah. Apabila seseorang itu menuntut ilmu, kita akan merasai bahawa betapa luasnya ilmu Allah dan hambaNya begitu kerdil di sisiNya. Semakin banyak kita menuntut ilmu semakin banyak yang kita tidak mengetahui kerana hebatnya ilmu Allah. Sebab itu bila seseorang itu beristighfar dengan penuh rasa kussyu' dan tawaddu' maka akan keluar air mata ketakutan dan keinsafan dan penyesalan yang teramat sangat di atas kesalahan yang dilakukan.


Dosa terbahagi kepada dosa besar dan dosa kecil. Dosa kecil seperti terpendang aurat wanita tanpa sengaja. Maka dengan limpah dan rahmat Allah dosa tersebut akan gugur dengan kita melakukan kebaikan seperti bersedekah, menolong anak yatim, fakir miskin dan ditambah dengan melakukan ibadah ibadah sunat. Manakala dosa besar seperti membunuh, merompak, berzina dan sebagainya memerlukan kepada taubat dan menyesal di atas kesalahan yang dilakukan. Menghindari dosa besar tersebut bukanlah senang, ia memerlukan pengorbanan yang luar biasa dan mestilah mempunyai disiplin yang tinggi untuk terus istiqamah di jalan Allah terutamanya hidup di zaman moden dan kemudahan yang mencukupi serta kemewahan hidup. Maka kehidupan kita memerlukan keimanan yang tinggi dan sentiasa ingat bahawa amalan kita semuanya akan di hisab di padang masyar.

Istighfar yang mengharapkan keampunan dan rahmat Allah, merupakan istighfar yang terbit dari mata hati yang bersih. Dosa manusia di atas muka bumi ini terlalu banyak umpama buih di lautan, pasir di padang pasir, daun di pohon pokok, tetapi ingatlah bahawa sekiranya seseorang itu benar benar bertaubat di atas kesalahan dan dosa yang dilakukan, rahmat Allah lebih besar dari itu, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penerima Taubat hambaNya. Maka selagi pintu taubat masih terbuka, ruang dan peluang kitapun

masih terbuka untuk kita melakukan yang terbaik di atas muka bumi ini. Di samping kita beristighfar banyakkkan melakukan amalan yang lain seperti bersedekah, menolong fakir miskin kerana Allah. Dengan cara ini boleh melembutkan hati kita yang keras dan menginsafi tentang erti kehidupan kerana ramai lagi insan di luar sana yang memerlukan bantuan .Dengan cara ini dapat mendidik hati kita supaya menginsafi apa yang kita lakukan.



TANGAN YANG BERCAKAP DI MASYAR



ja

Para rasul diutus untuk menyampaikan wahyu dari Allah kepada umatnya. Membimbing manusia ke jalan yang lurus dan diredai Allah, menyelamatkan manusia dari kegelapan kepada cahaya kebenaran. Menyeru manusia mentauhidkan Allah dan tidak mempersekutukannya dengan yang lain. Para rasul juga memberikan gambaran tentang hari pembalasan di padang masyar. Berita baik yang memberikan khabar gembira kepada mereka yang beriman dan melakukan amal soleh dan peringatan kepada mereka yang melakukan kemungkaran dan maksiat. Berita baik tersebut adalah syurga Allah yang disediakan nikmat yang sangat hebat dan peringatan dan ancaman itu adalah neraka yang disediakan azab dan sengsara.

Firman Allah yang bermaksud “ Dan bahawa inilah jalanKu yang lurus, maka ikutlah dia dan janganlah kamu tempuhi jalan yang lain, kerana jalan yang bersimpang siur itu akan menceraikan - beraikan (menyesatkan) kamu dari jalanNya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertaqwa. ” (al- An’aam : 153)

Apabila rasul telah diutuskan kepada mereka, tidak ada dakwa dakwi di padang masyar, kenapa semasa hidup di dunia dahulu apabila diutuskan rasul mereka menolak dan mengikarinya, apabila rasul telah wafat maka ditinggalkan dua perkara iaitu al-Quran dan as-Sunnah nescaya mereka tidak akan sesat buat selama-lamanya selagi mereka berpegang teguh kepada keduanya.

Semasa manusia dihimpunkan di padang masyar, ramai di kalangan mereka yang menyesal dan ingin kembali ke dunia. Mereka menyesal di atas apa yang mereka kerjakan semasa hidup di dunia dan memohon agar dikembalikan ke dunia untuk bertaubat dan melakukan amal soleh. Ketika itu pintu taubat telah ditutup dan mereka tidak akan kembali ke dunia. Oleh kerana ramai di kalangan manusia yang melakukan dosa semasa hidup di dunia, ada di antaranya yang berenang di lautan peluh disebabkan panasnya matahari dan dosa yang mereka lakukan itu.

Antara persoalan penting yang akan ditanya tentang usia muda bermulanya saat taklif seseorang terhadap apa yang dilakukan sama ada amalan baik atau buruk. Alam remaja merupakan alam yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Perlunya kawalan dari ibu bapa untuk membimbing anaknya ke jalan yang lurus. Juga ditanya semasa umur dewasa sebagai ibu bapa atau pemimpin masyarakat terhadap rakyatnya. Sebagai pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat ingatlah tanggung jawab ini merupakan amanah yang sangat besar yang akan ditanya tentang kepimpinan kita semasa memegang jawatan di dunia. Hasil harta yang dicari pastikan dari sumber yang halal untuk memberi nafkah kepada keluarganya. Harta yang diambil dari rasuah, merompak, mencuri adalah haram hukumnya.

Begitu juga dengan ilmu yang ada hendaklah diamalkan sebagai bekal dan panduan hidup. Adakah ilmu itu digunakan untuk mencari reda Allah ataupun sebaliknya. Ada juga yang mencari ilmu semata – mata untuk memburu kesenangan dunia tanpa memikirkan persoalan akhirat. Ilmu yang dicari tanpa amalan diibaratkan menanam pokok tetapi tidak ada hasilnya untuk dimakan dan ditinggalkan untuk anak cucu serta keturunan.

Persoalan di padang masyar tidak mampu dijawab dengan lidah yang fasih berkata- kata, sebaliknya tangan akan bercakap dan anggota lain akan menjadi saksi di hadapan Allah terhadap amalan yang kita lakukan.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Pada hari ini kami tutup mulut mereka, dan berkatalah kepada kamu tangan tangan mereka dan memberi kesaksian kaki kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan.”

(Ya-Siin : 65)



TERIMA BUKU AMALAN



Suasana ketika di padang masyar nanti amatlah dasyat sekali. Ketika itu hanya untuk melepaskan diri masing - masing. Tidak ada apa yang hendak dibanggakan melainkan amalannya yang soleh untuk di hadapkan kepada Allah. Harta yang banyak di dunia akan dihisab di hadapan Allah. Anak dan isteri akan mendakwa kita adakah kita bertanggung jawab kepada mereka semasa hidup di dunia. Pangkat dan jawatan yang disandang akan di soal di hadapan Allah , suami dan isteri semasa hidup bersama di dunia ada yang bersama di dalam syurga, ada yang bersama dalam neraka, ada isteri ahli syurga dan suami ahli neraka , ada yang suami ahli syurga isteri pula ahli neraka. Jika di dunia kita boleh bermanja dengan orang yang kita sayang tetapi di akhirat nanti suasananya amatlah berbeza. Justeru itu, semasa hidup di dunia ini buatlah yang terbaik kepada mereka, ajarkan kepada mereka tentang pendidikan agama terutamanya dalam bab aqidah , syariah dan akhlak. Tekankan tentang

kepentingan mempelajari aqidah yang sahih dan jangan sesekali mensyirikkan Allah dan perintahkan solat semenjak anak masih kecil lagi dan berakhlak dengan akhlak yang mulia.

Ada isteri merupakan ahli syurga tetapi suami merupakan ahli neraka sebagaimana yang berlaku kepada Asiah isteri Firaun yang tidak bersama dengan suaminya di akhirat kelak. Ini kerana beliau merupakan wanita yang beriman kepada Allah yang merupakan ahli syurga dan Firaun kekal dalam neraka . Meskipun Asiah hidup di dalam istana dan hidup bersama Firaun tetapi Asiah tetap berpegang teguh kepada mentauhidkan Allah. Sebaliknya Firaun terus hidup di dalam kekufuran malah sanggup mengaku menjadi tuhan dan dia akan kekal di dalam neraka bersama iblis. Akhirnya firaun tetap dengan sombong dan angkuh dan menolak ajaran yang disampaikan oleh nabi Musa as sehingga ke akhir hayat dan mati dalam keadaan ditenggelamkan oleh Allah ke dalam laut bersama bala tenteranya yang hendak membunuh nabi Musa as.

Begitu juga ditakdirkan dengan isteri nabi Luth as yang tidak mahu menerima perintah Allah .Kaumnya yang terkenal dengan sikap buruknya iaitu tidak suka kepada kaum wanita sebaliknya selera nafsunya suka kepada kaum sejenis. Allah memerintahkan kaum nabi Luth as dan keluarganya meninggalkan bumi Sodom dan memberi amaran agar tidak menoleh ke belakang kerana sikap itu menggambarkan keingkaran kepada perintah Allah. Isteri nabi Luth as sendiri tidak sanggup meninggalkan kaumnya dan menoleh ke belakang sedangkan nabi Luth as terus melangkah ke depan seperti perintah Allah.Ketika itu bumi bergegar dan dilanda gempa bumi, Allah membalikkan permukaan bumi Sodom ke dasar bumi menelan seluruh kaum nabi Luth as serta isterinya sekali.

Ada tiga perkara ketika di padang masyar seseorang itu tidak ingat kepada pasangan masing masing, pertama ketika Allah menimbang amalan mereka untuk mengetahui amalan mereka yang lebih berat timbangannya sama ada yang baik atau yang buruk, Kedua ketika Allah menyerahkan buku catatan amalan dan yang ketiga ketika menyeberangi titian sirat. Di saat dan ketika ini manusia hanya hendak melepaskan diri masing masing dan tidak ada manfaat harta benda dan anak- anak melainkan mereka yang mengadap Allah dengan hati yang sejahtera.

Pada ketika itu saat yang paling mencemaskan untuk menentukan nasib kita, marilah kita sama-sama berdoa agar kita semua muslimin dan muslimat agar dipermudahkan urusan kita di padang masyar dan dimasukkan ke dalam syurga tanpa hisab dengan rahmat dari Allah SWT



KEDADILAN ORANG YANG DIZALIMI DI PADANG MASYAR



Suasana di padang masyar kelak manusia akan menuntut haknya kepada orang yang pernah menzaliminya semasa hidup di dunia. Dosa dengan Allah akan diampunkan oleh Allah dengan rahmat dan kasih sayangNya melainkan dosa syirik. Dosa sesama manusia yang pernah dibunuh, diumpat, dikeji, difitnah dan sebagainya bermula di alam barzakh lagi dengan merasai fitnah kubur dan azab akibat dosa yang dilakukan. Orang yang menzalimi orang lain akan dituntut pembalasannya di padang masyar, dalam suasana yang begitu mengerikan di hari perhitungan itu mereka datang untuk menuntut bela dengan pelbagai cara. Antaranya dengan berpaut pada tangan, leher, kaki dan anggota orang yang menzaliminya.

Orang yang difitnah dan diumpat akan menuntut haknya. Orang yang dizalimi akan menuntut haknya, orang yang ditipu akan menuntut haknya, orang yang

memberikan hutang akan menuntut haknya sekiranya tidak menjelaskannya, orang yang menjadi mangsa kezaliman akan menuntut haknya.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Wahai orang - orang yang beriman, jauhilah dari kebanyakan perasangka buruk, sesungguhnya sebahagian daripada perasangka adalah dosa dan janganlah kamu mencuri (mengintip) kesalahan (keaiiban) orang lain dan jangan sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain.” (al –Hujurat : 12)

Mengumpat merupakan perbuatan yang tercela di dalam Islam. Manusia pasti tidak sanggup memakan daging saudaranya yang sudah mati. Hanya binatang sahaja yang suka memakan bangkai yang sudah mati. Bayangkan betapa dasyatnya dosa mengumpat ini. Bagaimanakah nasib dirinya di padang masyaranti . Berapa ramai yang dia umpat semasa hidup di dunia begitulah bilangannya yang akan menuntut bela di padang masyar.

Orang yang menipu dalam perniagaan dan jual belipun akan dituntut nanti, pada ketika itu tidak ada sesiapaupun yang akan dapat lari, semasa hidup di dunia bolehlah mengelak dan menipu dengan memberikan pelbagai alasan. Memang berniaga merupakan amalan yang baik kerana Rasulullah SAW menjelaskan 90 peratus punca rezeki adalah melalui perniagaan. Ia merupakan satu ibadah tetapi mestilah mengamalkan sifat jujur dalam melakukan muamalah dan jangan sesekali menzalimi dan menyalahgunakan kuasa untuk menindas pembeli.

Ada juga peniaga yang menipu barangan yang rosak kepada pelanggan sehingga menzalimi pembeli terutamanya barangan makanan yang telah terlebih tempoh dan busuk tanpa disedari oleh pelanggan. Ada juga peniaga yang manis mulut dengan mempromosikan barangan tetapi indah khabar dari rupa sebaliknya yang berlaku adalah lain. Ada yang minta pembayaran dahulu sebelum barang sampai tetapi barang tidak sampai kepada pelanggan. Ada yang mengaut keuntungan yang berlipat kali ganda tetapi bersikap tamak dan kedekut sehingga tidak sanggup untuk membantu fakir miskin dan orang yang memerlukan bantuan dan membayar zakat.

Tidak terkecuali juga kepada pemimpin sama ada pemimpin negara, masyarakat dan keluarga. Sekiranya memimpin negara wajib menjalankan amanah dengan adil kepada rakyat, sekiranya pemimpin keluarga wajib

menjalankan amanah untuk memberikan rezeki yang halal dan memberikan pendidikan agama kepada keluarga. Didiklah anak dan isteri dengan ajaran Islam dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian. Mereka semua akan menuntut pembelaan yang adil kepada ketua keluarga. Begitu juga sebagai pemimpin negara hendaklah melaksanakan syariat dan hukum yang telah ditetapkan oleh Allah dalam al-Quran, sekiranya manusia mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah, nescaya akan bahagia di dunia dan akhirat.



SIFAT PEMAAF PENYELAMAT MANUSIA DI PADANG MASYAR



Manusia tidak dapat lari sifat yang serba kekurangan. Adakalanya sifat penyayang datang kepada seseorang tanpa diundang, adakalanya datang sifat marah pada seseorang, begitu juga datang sifat hasad dengki, dendam kesumat disebabkan berlaku pertelingkahan akibat mengadu domba, fitnah dan sebagainya. Tanpa kawalan dan iman yang kuat manusia mula merancang untuk membalas dendam dan menzalimi seseorang. Orang yang baik ialah dia sentiasa memaafkan orang yang menzaliminya tanpa ada perasaan dendam walaupun sedikit. Langkah yang paling bijak ini patut dicontohi bagi mendapat ketenangan dirinya dan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Ada orang mengatasi perselisihan yang dihadapi melalui orang tengah yang boleh dipercayai, ada orang melalui proses mahkamah, ada orang berjumpa sendiri dengan tuan punya badan untuk bersekemuka dan ada sebahagian dengan rundingan. Walaubagaimanapun sifat pemaaf itu sangat mulia disisi Islam.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Sesungguhnya orang - orang mukmin adalah bersaudara, oleh itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.”

(al-Hujurat : 10)

Dengan demikian, kita disaran apabila kita melakukan kesalahan pergilah berjumpa dengan orang yang terlibat dan memohon maaf atas kesilapan yang kita telah lakukan, begitu juga apabila ada orang yang menzalimi kita ,maka kitapun bersedia untuk memaafkannya. Ini sifat yang sangat terpuji dan termasuk dalam sifat mahmudah, seperti mana kita melihat kisah ketika nabi Muhammad SAW berdakwah ke bumi Thaif, baginda SAW dilayan dengan penuh kehinaan oleh penduduk dan pembesar Thaif sehingga baginda SAW diejek dan dibaling dengan batu oleh kanak-kanak sehinggakan patah gigi baginda SAW dan berlumuran darah, alangkah cantiknya akhlak yang ditunjukkan oleh baginda SAW walaupun malaikat menawarkan diri untuk menghancurkan penduduk Thaif, tetapi baginda SAW menolaknya, lantas berdoa kepada Allah memberikan petunjuk kepada mereka.

Bagaimanapun memaafkan orang lain biarlah kena pada tempatnya. Jika sentiasa menjadi pemaaf sehingga senang dipergunakan oleh orang lain sehingga menjatuhkan harga diri, akhirnya orang itu akan mengambil kesempatan di atas kebaikan kita, maka sikap itu perlu dijauhi dibimbangi orang itu akan berterusan mengeksploitasi sikap kita sehingga hilang harga dan maruah diri. Sikap yang sedemikian banyak berlaku di kalangan staf yang mengambil kesempatan di atas sikap bosnya yang baik dan selalu bertoleransi dalam menjalankan tugas menyebabkan kakitangan bawahan ada kalanya lebih sudu dari kuah. Sikap yang sedemikian perlu dijauhi bagi mengelakkan perkara yang tidak baik akan berlaku dalam pentadbiran sesebuah organisasi.

Begitu juga dalam menjalani kehidupan seharian, kita tidak dapat lari dari bergaul dengan jiran dan masyarakat. Buatlah yang terbaik kepada mereka dengan menjaga adab hidup berjiran, elakkan dari bermasam muka, cemburu, hasad dengki dengan kelebihan yang ada pada jiran. Jiran orang yang pertama untuk kita minta bantuan apabila kita ada masalah dan selalulah hulurkan makanan dan buah tangan kepada mereka mengikut kemampuan yang kita ada. Sekiranya ada kekurangan yang ada pada mereka, bertoleransilah sesama mereka kerana kehidupan kita untuk jangka masa yang panjang. Doakan kebaikan untuknya dan ucapkan tahniah apabila anak anak mereka berjaya di

dalam apa jua bidang yang diceburi. Apabila ada sikap dendam dan tidak memaafkan kesalahan dan kekurangan yang ada pada mereka, kehidupan tidak akan tenang dan harmoni. Sifat pemaaf inilah senjata utama untuk mencapai kebahagiaan.

GOLONGAN YANG MENJADI TANAH



Kehidupan manusia di dunia ini sentiasa diawasi oleh malaikat yang menjaga buku catatan amalan baik dan buruk. Amalan baik ditulis oleh malaikat Raqib. Amalan buruk ditulis oleh malaikat Atid. Buku catatan amalan ini akan diserahkan kepada Allah di padang masyar. Adanya mizan untuk menimbang amalan baik dan amalan buruk. Ketika itu adalah saat yang sangat mencemaskan bagaimana buku catatan amalan itu diserahkan kepada kita sama ada menjadi Ahlul Yamin (golongan yang membuat kebajikan) atau Ahlus Syimal (golongan yang membuat kejahatan) dan selepas itu akan melalui titian shirot yang penuh dengan dugaan kerana di bawahnya ada lembah neraka yang disediakan oleh Allah.

Bagi golongan yang melakukan kebaikan, para malaikat akan mengiringi mereka dan diperlihatkan jalan menuju syurga dan tidak ditunjukkan jalan ke neraka kerana semasa hidup di dunia mereka golongan yang melakukan kebaikan dan taat kepada perintah Allah dan meninggalkan laranganNya. Manakala golongan yang melakukan dosa mereka akan dihalau seperti pengembala kambing yang menghalau binatang ternak di tanah padang dan dihalakan jalan mereka untuk menuju neraka. Mereka ini tidak akan ditunjukkan jalan menuju syurga Allah kerana mereka merupakan ahli maksiat.

Shirot merupakan titian atau jambatan yang akan dilalui setiap manusia untuk menuju ke syurga Allah dan di bawahnya disediakan tingkatan api neraka Allah. Ia digambarkan terlalu tajam dari pedang dan lebih halus dari rambut. Hanya mereka yang beriman dan mendapat rahmat dari Allah sahaja yang akan sampai ke syurga. Mereka yang terselamat adalah mereka yang istiqamah dengan mengikut peraturan dan suruhan Allah semasa di dunia.

Firman Allah SWT yang bermaksud “ Tunjukkanlah kami jalan yang lurus iaitu jalan yang engkau telah anugerahkan nikmat kepada mereka (para nabi dan rasul), bukannya jalan yang dimurkai dan bukan jalan yang sesat. (al- Fatimah :6-7)

Jika dibayangkan bahawa titian Shirot itu adalah sangat tajam dan halus, bagaimanakah keadaan manusia yang akan menempuhnya, hanya amalan soleh yang menjadi penyelamat untuk menyeberangi titian itu dan wajib kita percaya dan yakin dengan perkara ghaib (samaiyyat). Orang yang melakukan amal soleh akan diringankan kaki mereka menuju syurga dan orang yang melakukan maksiat kaki mereka akan merasa berat semasa melalui titian Shirot dan terus tersungkur ke bawah yang telah tersedia api neraka Allah yang bergejolak kepanasan. Ketika melalui titian tersebut dilihatkan api neraka dan bunyi yang amat menakutkan, kedengaran laungan manusia meminta tolong dan menjerit ketakutan.

Di saat dan ketika hendak menunggu giliran melalui titian tersebut ada di kalangan manusia yang sangat menyesal di atas apa yang telah mereka kerjakan semasa hidup di dunia kerana tidak mengikut perintah Allah dan rasulNya serta tidak mengikut alim ulamak. Pada ketika itu tidak ada lagi penyesalan walaupun keluar air mata darah sekalipun. Ada pula di kalangan

manusia yang menyumpah dirinya alangkah baiknya sekiranya ia dijadikan Allah sebagai tanah kerana tanah walaupun ia dipijak tetapi tidak akan disiksa di akhirat kelak. Ketika itu malaikat terus menghalau mereka untuk lalu ke titian shirot dan mengherdik mereka dan api neraka menyambar tubuh mereka.

Dengan itu takutlah dengan ancaman dan siksaan api neraka itu bagi mereka yang melakukan maksiat. Pintu taubat masih terbuka luas dan yakinlah dengan rahmat dan kasih sayang Allah sahajalah yang akan menjadi penyelamat dari seksaan api neraka yang amat mengerikan dan menakutkan.



MENDAMPINGI GOLONGAN YANG MEMBERI SYAFAAT



Golongan yang akan dapat memberi syafaat di akhirat kelak ialah di kalangan para nabi, siddiqin, ulamak dan orang yang solehin. Bagi kita sebagai umat nabi Muhammad SAW akan dapat menerima syafaat, nabi Muhammad SAW akan menolong umatnya dengan berdoa kepada Allah agar umatnya beroleh syafaat dan Allah mengurniakan syafaat tersebut kepada nabi Muhammad SAW.

***Seperti firman Allah yang bermaksud “ Dan kelak tuhanMU pasti memberikan kurniaNya kepadamu (Muhammad) lalu (hati) kamu menjadi puas.”
(ad-Duha : 5)***

Imam al Ghazali ketika menerangkan bab syafaat di dalam kitabnya ***Ihya Ulumuddin*** menganjurkan agar mengusahakan diri untuk bergaul dan

berdamping dengan golongan yang dapat memberikan syafaatnya dengan cara mentaati ajaran mereka dan beramal dengan ajaran yang dibawa oleh mereka. Oleh kerana itu semasa hidup di dunia ini berdampinglah dengan mereka kerana mereka pewaris para nabi. Mereka meneruskan apa yang dibawa oleh nabi dan mengajarkan kepada kita apa yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan hidup.

Oleh kerana itu semasa hidup di dunia ini jadikanlah ulamak sebagai tempat rujukan dan jangan sesekali memperlekehkan ajaran yang dibawanya dan janganlah menghina alim ulamak. Dengan adanya alim ulamak penyambung perjuangan nabi untuk menyampaikan risalahnya bagi menerangkan manusia dari kegelapan jahil kepada cahaya kebenaran. Didiklah anak anak kita supaya hormat dan mendampingi mereka semenjak kecil lagi agar apabila dewasa kelak mereka ini akan mengikuti mereka.

Ada juga alim ulamak yang bertaraf wali Allah. Kita semua tidak mengetahui hanya Allah sahajalah yang mengetahui taraf mereka tersebut. Golongan wali juga akan dapat memberi syafaat di akhirat nanti. Sebab itu berhati hatilah terhadap mereka dan sentiasa menerima tunjuk ajar dan bimbingan darinya. Apabila membawa anak kecil menziarahi alim ulamak minta mereka mendoakan anak, biasakanlah bersedekah dan memberikan bantuan kepada mereka.


Ajarkan kepada anak anak agar menjaga adab dalam berguru. Kita boleh melihat pada masa kini berapa ramai di kalangan ibu bapa yang menyuruh anaknya beradab ketika berjumpa dengan guru kerana keberkatan dalam belajar berpunca dari reda guru memberikan ilmu kepada anak muridnya. Ada juga yang sanggup memaki hamun guru apabila guru mendenda anaknya yang melakukan kesalahan dan ada juga ibu bapa yang mengheret guru ke mahkamah di atas sebab tidak berpuas hati dengan tindakan guru tersebut. Sepatutnya ibu bapalah yang membimbing dan menasihatkan anaknya supaya menjaga adab berguru dan menjaga kebajikan guru.

Dengan adanya alim ulamak kita disarankan supaya menuntut ilmu darinya. Banyak ulamak telah dijemput oleh Allah semenjak kebelakangan ini. Perginya mereka bertemu dengan Allah dalam keadaan masyarakat masih memerlukannya. Tanda kasihnya Allah kepada mereka ada yang di jemput oleh

Allah pada hari baik dan bulan yang baik dan ramai manusia yang merasai kehilangan di atas pemergian ulamak yang terbilang ini. Justeru itu, selagi ada alim ulamak di atas muka bumi ini berusaha dengan sedaya upaya untuk belajar dan berdamping dengannya dan mengamalkan apa yang disampaikan. In sya allah mereka ini akan dapat memberikan syafaat kepada anak anak muridnya di akhirat kelak.



BERSEGERA MENUJU KEAMPUNAN ALLAH



Firman Allah SWT yang bermaksud “Berlumba-lumbalah kamu kepada (mendapatkan) ampunan dari tuhanMu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasulNya. Itulah kurnia Allah, diberikannya kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar.” (al- Hadid :21)

Ayat di atas menerangkan agar manusia berlumba-lumba menuju dan mencari keampunan Allah semasa hidup, merebut kurniaan Allah tidak sama seperti mana merebut harta dan pangkat serta mencari habuan dunia kerana kekayaan dunia hanya sementara dan apabila mati kelak tidak akan dibawa ke kubur. Tetapi yang hendak dicari ialah merebut keampunan dan rahmat Allah kerana kehidupan kita berhajatkan rahmat dariNYa. Allah akan bagi kepada sesiapa

sahaja yang berusaha untuk mendapatkan redaNya. Allah Maha Pemurah dan Maha Penyayang, pintu rahmat Allah terbuka luas, berusahalah sebelum kita dijemput olehNya. Justeru itu, cara untuk menyelamatkan kita di akhirat ialah dengan mengharapkan rahmatNya dan bertaubatlah dengan taubat nasuha sebelum kita dilanda penyesalan di akhirat kelak.

Walaupun Allah membuka luas pintu rahmatNya kepada manusia , ramai manusia masih lagi berada di dalam keadaan lalai di dunia kerana mengejar kepentingan hidup untuk mengejar kemewahan dan kekayaan. Bagi mereka yang nampak pelaburan di akhirat nescaya mereka akan berlumba-lumba untuk mewaqafkan harta mereka di jalan Allah seperti membina masjid, surau, madarasah, pondok, pusat tahfiz, membantu anak yatim, fakir miskin dan sebagainya. Mereka yang melihat dengan pandangan mata hati nescaya akan berlumba- lumba mengejar saham akhirat kerana kehidupan di sana kekal abadi buat selama-lamanya.

Mereka sanggup bersaing dengan kawan-kawannya demi mengejar pangkat dan kekayaan sehingga sanggup menjatuhkan di antara satu sama lain. Begitu juga di dalam kehidupan berjiran sehingga sanggup menunjukkan kereta mewah, hiasan perabot yang mahal, pakaian yang berjenama demi untuk bersaing dan rasa ingin lebih dari jirannya. Berlaku juga di dalam menempuh alam pekerjaan seharian sehingga ada yang sanggup membodek bos demi mendapatkan sesuatu habuan, pangkat dan sebagainya. Tetapi berbeza mereka di sisi Allah SWT kerana yang membezakan antara mereka ialah taqwa kepada Allah SWT kerana Allah SWT tidak memandang tentang kedudukan dan pangkat .Sebagai contoh bagaimana Allah SWT memuliakan Bilal bin Rabah walaupun tidak ada harta dan pangkat tetapi ia merupakan ahli syurga yang merupakan tukang azan semasa zaman Rasulullah SAW.

Sepatutnya manusia mengambil peluang untuk mendapatkan rahmat dan keampunan Allah selagi hayat masih ada lagi di dunia ini supaya tidak ada penyesalan di akhirat nanti. Sekiranya mereka tidak mengambil peluang keemasan ini, rugilah di akhirat nanti dan tidak ada peluang untuk kembali ke dunia untuk melakukan amal soleh dan mengharapkan reda dan rahmat Allah. Jadi gunakanlah peluang ini dengan sebaik – baiknya. Akhir akhir ini kita dapat melihat ramai di kalangan orang yang telah kembali ke pangkal jalan, di mana dahulunya mereka ini ada yang pengedar dadah, pembunuh, perompak, perogol , tetapi apabila mereka telah mendapat hidayah dan kembali kepada Allah, mereka benar benar telah menunjukkan keinsafan dan sanggup

meninggalkan tabiat lamanya lalu mencari guru agama, orang soleh dan mencari sahabat baik untuk membimbing dirinya mencari reda Allah SWT. Alhamdulillah mudah mudahan hidayah akan kekal sehingga akhir hayat. Jangan lupa setiap masa berdoa kepada Allah agar sekiranya kita dijemput oleh Allah, kita meninggal dalam husnul khatimah (kesudahan yang baik).

BERSEDEKAH TANPA MODAL



Sesuatu yang senang dilakukan tanpa menggunakan modal ialah senyum dan bersikap manis muka bila berhadapan dengan orang, tapi biarlah kena pada tempatnya kerana dengan melakarkan senyuman melambangkan seseorang itu berada di dalam keadaan ceria. Bila berjumpa dengan orang tunjukkan sikap manis muka dan sentiasa tenang dalam pergaulan supaya kita rasa disenangi oleh orang yang berjumpa dengan kita.

Sikap ini membolehkan seseorang itu akan berasa selesa bila bertemu, dengan itu barulah berlakunya hubungan kasih sayang dan hormat menghormati di antara satu sama lain. Seseorang ketua sentiasa ceria dengan anak buahnya, suami ceria dengan isterinya, abang dan kakak ceria dengan adik beradiknya, jika suasana ini dapat diamalkan barulah dapat mewujudkan suasana harmoni

dalam bekerja dan rumah tangga. Begitu juga didalam mengamalkan kehidupan berjiran dan sesama masyarakat. Amalan ini nampak remeh tapi kesannya amat mendalam sekiranya diamalkan dengan penuh rasa keikhlasan yang terbit dari hati dan sanubari yang ikhlas. Jangan mengharapkan bermula dari orang lain tapi mulakan dengan diri anda kerana senyum itu satu sedekah. Banyakkan manis dalam senyuman dan kurangkan manis dalam minuman.

Seseorang majikan yang mengamalkan sikap ini kepada anak buahnya akan lebih dihormati daripada menggunakan kuasa untuk menghukum anak buahnya. Dalam masa yang sama anak buah perlulah bersikap jujur kepada majikannya, begitu juga seseorang peniaga perlu melayan pelanggannya dengan budi bahasa yang baik dan mengamalkan sikap mudah mesra supaya pelanggannya akan dihargai. Jangan melayan pelanggan seperti seekor singa yang sangat lapar untuk mencari mangsanya. Sebaliknya tunjukkan kemesraan bila bertemu pelanggan. Sikap ini perlu diwujudkan dalam setiap masa supaya hubungan sesama mereka dapat dieratkan dengan penuh rasa kasih sayang.


Kita dapat melihat contoh yang terbaik ialah Rasulullah SAW dalam bergaul bersama sahabat dan isteri isteri baginda SAW .Bagaimana para sahabat dilayani oleh baginda SAW dalam suasana yang sangat baik sehinggakan sesiapa yang berjumpa dengan baginda SAW pulang dengan penuh rasa ketenangan dan kebahagiaan. Ukiran senyuman baginda SAW sudah melambangkan ketenangan dan terpancar cahaya kasih sayang bagi sesiapa yang dapat melihat dan berjumpa dengan Rasulullah SAW.

Begitu juga kita dapat melihat cerianya baginda SAW bila berjumpa dengan isteri- isteri baginda, Rasulullah SAW sentiasa mengukirkan senyuman dan melayan dengan penuh rasa kasih sayang walaupun baginda letih balik dari berdakwah dan berjihad di jalan Allah. Anak dan cucu baginda sentiasa merindui kepulangan baginda SAW balik dari berdakwah , begitulah hebatnya akhlak yang ditunjukkan oleh baginda SAW agar dapat dicontohi oleh umatnya.

Untuk mewujudkan suasana harmoni dalam rumah tangga perlunya ada sikap toleransi sesama anak dan isteri. Jangan gunakan kuasa arahan terlalu banyak menyebabkan mereka membuat sesuatu arahan dengan secara paksaan. Banyakkan menggunakan pendekatan yang harmoni dengan belaian , pujukan, pujian dan rangsangan. Anak-anak akan merasai dirinya dihargai apabila ibu

bapa menggunakan pendekatan hikmah dan bijaksana. Perbetulkan niat dan selalu bagi ingatan bahawa kita perlu membuat baik kepada orang, sekiranya kita tidak mampu memberikan dalam bentuk wang memadai dengan memberikan semangat dan nasihat yang berguna dan apa yang lebih penting bergaullah sesama mereka dengan penuh keceriaan.

ILMU PENYULUH HIDUP



Sesiapa yang inginkan dunia berusahalah mencari ilmu, sesiapa yang inginkan akhirat berusahalah mencari ilmu dan sesiapa yang inginkan kedua duanya sekali berusahalah mencari ilmu. Ilmu penyuluh dan menerangkan kehidupan manusia di dunia ini. Ia diibaratkan seperti seseorang yang bermusafir di waktu malam memerlukan bulan dan bintang sebagai petunjuk untuk berjalan, begitu juga pelayar di lautan perlu melihat bulan dan bintang sebagai pedoman dan penyuluh di lautan samudera yang terbentang luas.

Pusaka yang amat berharga apabila kita sudah meninggal dunia ialah kita meninggalkan ilmu yang bermanfaat untuk diamalkan orang yang hidup. Bermulanya ilmu ialah dengan berguru. Carilah guru yang boleh membimbing kita ke arah sinar hidup di dunia ini sebelum menuju akhirat, apabila Rasulullah SAW telah wafat maka ulamak pewaris para nabi sebagai

penyambung risalah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW. Dengan adanya ilmu manusia akan dapat mengetahui dan mengambil khazanah ini sama ada ilmu politik, ibadat, keluarga, ekonomi, muamalat dan sebagainya. Dengan adanya ilmu manusia dapat membezakan di antara suruhan dan larangan Allah dan dapat membezakan yang benar dan batil.

Rasulullah SAW meninggalkan dua perkara nescaya kita tidak akan sesat buat selama lamanya iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Kedua duanya menjadi rujukan utama sebagai asas utama di dalam kehidupan. Apabila Rasulullah SAW meninggalkan kita, maka para ulamak berperanan meneruskan perjuangan baginda SAW mengajar umatnya. Maka carilah ilmu dengan pelbagai cara dengan menghantar anak ke sekolah, madrasah tahfiz, pondok, universiti dan sebagainya. Mereka wajib menuntut ilmu supaya mereka ini dapat mewarisi ulamak yang semakin lama semakin kurang sekarang ini.

Ujian untuk menyebarkan risalah Islam ini perlu menempuh pelbagai ujian. Memerlukan pengorbanan masa, wang, tenaga dan sebagainya. Ada segelintir dari mereka yang sanggup meninggalkan keluarga sehingga berpuluh tahun demi mencari ilmu, diuji dengan kekurangan duit, makanan dan tempat tinggal dan sanggup bersusah payah semata mata untuk mencari guru demi cintakan ilmu pengetahuan. Mudah mudahan apabila balik dari menuntut di perantauan akan dapat menabur bakti kepada masyarakat.

Malah yang lebih menakutkan lagi apabila ada pemerintah atau penguasa tidak suka kepada ulamak sehingga ada ulamak yang dibunuh, di penjara, disebat, difitnah dan sebagainya, tetapi semangat mereka tidak luntur malah terus berkobar-kobar demi mendaulatkan Islam dan meningkat syiar Islam di atas muka bumi ini. Nabi nabi terdahulu lagi perit ujiannya dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya supaya beriman kepada Allah tetapi mereka tetap tabah dan sabar kerana hidayah adalah milik Allah dan mereka hanya berusaha yang terbaik mengajak umatnya kepada mentauhidkan Allah SWT.

Pada masa kini ilmu senang dan mudah diperolehi dengan adanya masjid, surau, pusat ilmu bagai cendawan tumbuh. Terpulang kepada kita hendak melangkah kaki ke masjid atau sebaliknya. Bimbinglah dan pimpinlah tangan anak - anak ke masjid dan pusat mencari ilmu. Semasa kecil ini mereka akan mengikut jejak ibu bapanya . Andai kata ibu bapanya merupakan ahli

masjid maka senanglah anak-anak akan mengikut jejak langkahnya begitulah yang terjadi jika sebaliknya berlaku. Salah satu saham terbesar apabila kita berada di alam barzakh nanti ialah sekiranya kita ada meninggalkan ilmu yang bermanfaat untuk diamalkan di dalam kehidupan. Pahalanya akan sampai kepada si mati dan dengan ilmu yang ditinggalkan itu akan dapat diamalkan sebagai panduan dan bekalan hidup bagi orang yang masih hidup



BERSABAR DALAM MENEMPUHI UJIAN



Kehidupan ini diibaratkan seperti medan ujian bagi kehidupan. Setiap orang akan diuji oleh Allah dalam pelbagai bentuk. Ada yang miskin harta tetapi kaya dari segi kesihatan, ada yang kaya harta miskin dari kesihatan, ada yang kaya raya tetapi tidak mempunyai anak, ada yang mempunyai anak ramai tetapi kekurangan harta benda. Setiap bentuk ujian Allah kepada hambaNya adalah bertujuan untuk menguji keimanan kepada Allah. Sesiapa yang berjaya dalam menempuh ujian tersebut, Allah akan bagi akan bagi ganjaran sama ada di dunia atau di akhirat.

Allah SWT menguji setiap hambaNya dalam pelbagai bentuk. Antaranya di bagi ujian gempa bumi, tanah runtuh, gunung berapi, tsunami dan sebagainya supaya manusia insaf dan sedar bahawa semua yang ada di atas muka bumi ini

hanyalah pinjaman semata-mata. Ramai manusia yang angkuh memiliki kekayaan dan bangunan mewah yang hebat tetapi bila Allah mengkehendaki dalam sekelip mata sahaja nikmat tersebut boleh habis seperti berlakunya bangunan runtuh, hotel hotel mewah di landa ombak besar menyebabkan ramai yang mati, mereka yang mempunyai harta yang banyak tetapi bila Allah hendak menarik balik nikmat hanya dengan serta merta nikmat tersebut akan hilang dan binasa.

Ada juga di antara mereka yang diuji dengan kelaparan .Kita dapat melihat pada hari ini ada di antara negara negara miskin di dunia ini, rakyat mereka hidup dalam keadaan sengsara, kekurangan makanan dan ubatan, tidak ada tempat tinggal, kekurangan tempat untuk bekerja dan sebagainya. Ada yang kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Malah ada di antara mereka yang kebuluran sehingga tidak ada makanan sehingga sanggup mengambil sisa sisa di tepi tong sampah. Bagi kita yang mempunyai kemampuan insaf dan sedarlah tentang ujian ini.

Ada yang kekurangan harta benda untuk meneruskan kehidupan. Misalnya mereka tinggal di bawah jambatan dan rumah kosong kerana tidak mampu membayar sewa, ada yang tinggal di tepi tempat pembuangan sampah semata-mata mengharapkan ada barang barang terpakai yang boleh digunakan lagi, ada yang tidur di tepi tepi jalan dan lorong, maka dengan ini kita harus sedar dan membuat tindakan dengan membantu mencari jalan dan penyelesaian untuk membantu mereka.

Kematian merupakan tempat berpisahanya kehidupan dunia menuju akhirat. Ada yang Allah uji dengan kematian anak tersayang dan isteri tercinta dijemput oleh Allah. Dengan itu sabar dan redalah di atas ujian tersebut kerana kita wajib yakin dan percaya bahawa setiap ujian itu mengandungi hikmah. Kita juga wajib beriman dengan qada dan qadar dari Allah kerana setiap yang hidup sudah pasti akan menemui kematian.

Antara ujian tersebut ada juga petani yang menanam buah buahan dan tanam tanaman. Ada yang berhasil dan ada yang tidak ada hasil, ada yang berhasil tetapi ditimpa banjir dan sebagainya. Kembali balik kepada takdir Allah kerana manusia hanya boleh berusaha tetapi Allah yang menentukan rezeki kepada hambaNYa.

Justeru itu sebagai hamba yang bersyukur kepada Allah, apa sahaja yang berlaku sudah pasti mengandungi hikmah yang sangat besar. Lihatlah sejarah di zaman dahulu apabila Allah bagi kekayaan, pangkat dan harta yang melimpah ruah, mereka menjadi semakin sombong kepada Allah seperti firauun, Hamman dan Qarun. Akhirnya mereka mati dalam keadaan yang menghinakan.



Pemimpin yang adil akan mendapat naungan dari Allah ketika hari yang tidak ada naungan melainkan naungan dari Allah. Pemimpin yang adil itu ialah mereka yang mematuhi perintah Allah dengan melakukan sesuatu kena pada tempatnya. Pemimpin yang adil akan meletakkan Allah dan rasulNya sebagai rujukan utama dalam menjalani pemerintahan. Mereka akan mengambil ulamak sebagai tempat rujukan dalam mengeluarkan sesuatu arahan. Ulamak akan menasihati pemerintah dalam perkara yang berkaitan dengan pemerintahan dan pemerintah akan menasihatinya rakyatnya mengikut panduan yang digariskan oleh ulamak agar pemerintahan mengikut panduan yang digariskan di dalam Islam.

Kita boleh melihat di dalam sejarah Islam bagaimana contoh yang terbaik dalam menjalani pemerintahan negara ialah Rasulullah SAW. Rasulullah SAW sangat adil kepada sesiapa sahaja diikuti oleh Khulafa' al-Rasyidin dan mereka yang mengikuti jejak mereka. Pemimpin ini merupakan satu amanah besar yang akan dipertanggung jawabkan di hadapan Allah. Bagi mereka yang mampu melaksanakan amanah dan adil dalam pemerintahannya, mereka ini termasuk golongan pertama yang akan mendapat naungan arash Allah di akhirat.

Antara ciri ciri pemimpin yang baik ialah berlaku adil kepada seluruh orang yang dibawahnya termasuk melibatkan ahli keluarganya. Sekiranya ahli keluarganya terlibat di dalam melakukan kesalahan, maka mereka tidak terlepas daripada tindakan undang-undang. Agihan sesuatu projek kena berlaku dengan adil dan telus dan tidak boleh mengutamakan kepentingan peribadi, keluarga, kawan atau kroni. Begitu juga adil kepada semua rakyat dalam memberikan bantuan dan sumbangan termasuk kepada yang bukan Islam kerana Islam itu merupakan agama rahmat kepada sekalian alam.


Pemimpin perlu dilantik di kalangan orang yang berilmu. Dengan adanya ilmu pemimpin boleh memberikan nasihat dan pandangan dalam mentadbir sesebuah negara atau organisasi. Tanpa ilmu dikhuatiri pemimpin senang ditipu dan rakyat akan mengambil kesempatan di atas kekurangan tersebut. Mencari ilmu wajib ke atas umat Islam dan selalulah bergaul dan mendampingi alim ulamak untuk meminta nasihat dan pandangan. Dengan adanya ilmu seseorang pemimpin itu akan dapat membezakan mana yang hak dan batil dan mengetahui cara-cara mentadbir dan menguruskan rakyat.

Mereka wajib taat kepada perintah Allah dan meninggalkan larangan. Bila seseorang pemimpin yang dilantik itu merupakan orang yang bertaqwa dan taat kepada perintah Allah barulah sesebuah negara itu akan hidup dengan rukun dan damai dan mendapat bantuan Allah, ditambah lagi dengan melakukan ibadah sunat di malam hari dengan bertahajjud dan bermunajat kepada Allah kerana pemimpin ini memerlukan kekuatan kerohanian di samping kesihatan fizikal.

Pemimpin perlu dilantik di kalangan orang berakhlak mulia. Ramai di kalangan pemimpin yang mempunyai ilmu tapi tidak mempunyai akhlak yang baik. Mereka sebagai contoh ikutan di kalangan rakyat bawahan. Pemimpin yang

bersikap tawaddu' ini disukai oleh rakyat. Sanggup turun ke bawah melihat permasalahan yang berlaku kepada rakyatnya dan memberikan bantuan mengikut keperluan mereka, menyantuni anak yatim dan fakir miskin serta dilihat mesra rakyat. Mereka yang mengamalkan sikap yang sedemikian disayangi oleh rakyat dan kehilangan mereka akan dirindui dan ditangisi kerana sukar dicari ganti.

PEMUDA YANG TAAT PADA ALLAH



Usia remaja merupakan masa yang sangat mencabar bagi seseorang yang hidup di atas muka bumi ini. Ketika ini mereka berdepan dengan suasana dan perubahan hidup yang dipengaruhi oleh kawan dan persekitaran. Andai kata mereka bergaul dengan kawan-kawan yang positif dan cenderung kepada kehidupan beragama maka mereka akan mendapat kebaikan begitulah juga sebaliknya. Jiwa remaja ingin mencuba sesuatu yang baru seperti cara berpakaian, merokok, merempit, berhibur, pengaruh dadah, alkohol dan sebagainya.

Dalam masa yang sama ada juga di kalangan remaja yang istiqamah dengan kehidupan beragama. Cenderung pergi ke masjid, mendengar kuliah ilmu yang disampaikan oleh tuan guru, dapat membezakan hukum halal dan haram dan hidup penuh dengan ketaatan kepada Allah. Beruntunglah mereka pada usia yang penuh dengan dugaan dan cabaran ini tetapi kehidupan mereka penuh dengan ketaatan kepada perintah Allah.

Mudah mudahan mereka yang membesar dengan penuh ketaatan dan mengabdikan diri kepada Allah , mereka akan mendapat naungan dan rahmat Allah di akhirat kelak. Di saat dan ketika itulah mereka akan menikmati kebahagiaan yang kekal abadi di hari yang tidak ada manfaat dan harta benda dan anak pinak melainkan mereka yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.



Golongan yang hatinya cinta kepada masjid. Bila mendengar laungan azan terus menuju ke masjid. Bila bermusafir sentiasa ingat mengerjakan solat di masjid, bila ada majlis ilmu hatinya sentiasa merindui untuk pergi berguru di masjid dan apa sahaja program dan aktiviti masjid akan disokong dan diberikan bantuan semata mata untuk mengimarahkan aktiviti masjid.

Masjid merupakan tempat beribadah dan melakukan aktiviti yang berfaedah. Orang yang sanggup berkorban jiwa, masa dan tenaganya semata mata untuk mengimarahkan masjid kerana Allah, mudah mudahan akan mendapat naungan dan kasih sayang Allah di akhirat kelak.

Kita boleh melihat bagaimana Rasulullah SAW apabila berhijrah ke Madinah, masjid merupakan tempat pertama yang didirikan oleh Rasulullah SAW. Ini merupakan simbol dan mercu tanda bagi umat Islam dan tempat menyatukan mereka dengan semangat ukhwah dan kasih sayang sesama mereka disamping tempat untuk bermusyawarah untuk mendapat keputusan yang baik serta merancang aktiviti keagamaan seperti kelas al-Quran, Fardu Ain, Kelas Takmir, Forum Perdana, kelas haji, umrah, ceramah dan sebagainya.




Kasih sayang merupakan anugerah Allah kepada hambaNya. Sesiapa yang mendapat nikmat berkasih sayang kerana Allah mereka sendiri akan merasai nikmat tersebut. Ada di antara mereka yang rapat dengan ahli keluarga, sahabat handai, rakan sejawat, saudara mara dan tidak kurang juga yang rapat dengan orang bukan ada pertautan dengan darah. Yang penting adakah mereka ini rapat kerana mencari reda Allah atau mereka ini rapat atas kepentingan kehidupan duniawi.

Sekiranya mereka berkasih sayang kerana Allah, mereka akan sentiasa mengingatkan di antara satu sama lain tentang tujuan hidup di dunia ini adalah kerana Allah semata-mata. Menjaga tentang amar makruf dan nahi munkar. Bila

sahabatnya leka dengan kehidupan dunia mereka akan mengingatkan kembali tentang suruhan Allah seperti menjaga solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Sentiasa memandu dan membimbing sahabatnya agar jangan lalai tentang kehidupan dunia yang sementara ini. Sahabat yang sedemikian sukar dicari , namun inilah nilai hakikat sebuah sebenarnya nilai persahabatan kerana Allah.



TOLAK MAKSIAH KERANA TAKUTKAN ALLAH



Pemuda yang digoda oleh wanita cantik untuk berzina, namun ditolaknya pelawaan tersebut kerana takut kepada Allah. Nafsu seseorang yang masih muda tentulah kuat dan hangat tetapi oleh kerana takutnya dengan ancaman dan azab Allah maka ia menolaknya. Kekuatan iman yang ada pemuda tersebut membolehkan dia mendapat maqam yang tinggi di sisi Allah. Dengan keadaan dunia tanpa sempadan ditambah lagi dengan media sosial pada masa kini anak-anak muda sangat mudah terpengaruh dengan gejala maksiat dan kawan-kawan, dengan ada kekuatan iman yang dimiliki mereka sanggup meninggalkan keseronokan duniawi yang sementara ini.

Dengan jiwa yang penuh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, pemuda tersebut sanggup menolak untuk melakukan maksiat kerana apa yang difikirkannya ialah rahmat dan nanungan Allah di akhirat. Ingatlah kisah Nabi Yusuf as apabila digoda dia tetap menolaknya kerana takut kepada Allah.

Mudah mudahan pemuda yang ada sifat sedemikian akan mendapat naungan Allah di padang masyar dimana pada ketika itu masing masing hanya melihat amalan yang dilakukan dan menanti nanti buku catatan amalan masing untuk ditimbang di mizan (neraca timbangan amalan baik dan buruk).



SEMBUNYIKAN SEDEKAH



Saham yang paling besar di akhirat ialah orang yang bersedekah dengan ikhlas kerana Allah. Dengan erti kata yang sebenarnya ialah bersedekah dengan tangan kanan dan tangan kiri tidak mengetahui apa yang diberikan. Ini bagi mengelakkan perasaan riak dan untuk menjaga hati kita supaya bersifat tawaduk. Kebelakangan ini kita melihat banyak pondok pondok, Pusat Tahfiz, madrasah dan sebagainya memerlukan bantuan untuk mereka membina bangunan, dengan keadaan yang sedemikian berlumba-lumbalah kita untuk membantu mereka sekadar kemampuan yang kita ada kerana inilah saham akhirat.

Harta yang sebenarnya ialah sedekah kita semasa hidup bukannya harta yang ditinggalkan selepas kematian. Semasa hidup di dunia inilah untuk kita

memperbanyak infaq harta di jalan Allah. Kita akan menyesal apabila kita sudah berada di alam barzakh sekiranya kita meninggalkan harta yang banyak semasa hidup di dunia tetapi kita merupakan orang kedekut untuk menginfaqkan harta ke jalan Allah. Jadi kita masih ada lagi peluang dan ruang untuk berinfaq. Jom teruskan bersedekah selagi hayat dikandung badan dan sebelum roh ditarik dari jasad buat selama lamanya.



INGATKAN ALLAH HINGGA MENITISKAN AIR MATA



Mereka yang sentiasa mengingati Allah dan bermuhasabah diri sehingga menitiskan air mata keinsafan. Mereka mengenangkan apa yang telah dilalui sebelum ini dengan melakukan pelbagai dosa dan maksiat sehingga timbul keinsafan dari hati mereka untuk meninggalkan maksiat dan terus istiqamah dengan melakukan taubat nasuha. Walaupun seseorang itu telah banyak melakukan maksiat tetapi apabila mereka benar benar insaf dan kembali kepada Allah, ketahuilah rahmat dan pengampunan Allah adalah lebih besar dari maksiat yang dilakukan. Sesungguhnya Allah maha pengampun di atas dosa yang dilakukan. Sesungguhnya pintu taubat itu terbuka luas.

Kehidupan kita yang penting adalah pengakhiran kita sebelum menghadap Allah. Alangkah indahnya pengakhiran hidup di dunia ini kita dijemput oleh Allah dalam keadaan diredai dan mendapat pengampunan dan rahmat dariNya. Itulah saat yang paling manis sekali apabila seseorang meninggal dunia dalam keadaan husnul khatimah (kesudahan yang baik). Justeru itu marilah kita bersama sama mencari reda Allah dan sentiasa memohon keampunan terhadap dosa yang kita lakukan. Pintu rahmat Allah sangat luas kepada hambaNya yang sentiasa memohon keampunan dariNya.